

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 16 (A51)**

Mohon penjelasan dari pihak PBT berkenaan berapa jumlah peniaga yang telah dibatalkan lesen berniaga dan dilucuthak pemilikan premis perniagaan kerana memberi peluang kepada warga asing. Sejauh mana keberkesannya bagi memastikan tiada lagi peniaga yang seperti ini ?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar setiap PBT tidak membenarkan peniaga-peniaga yang bukan rakyat Malaysia atau warga asing berniaga secara berleluasa di dalam kawasan pentadbirannya.

Antara syarat-syarat kelulusan adalah :

- Lesen ini tidak boleh dipindah milik.
- Lesen boleh dibatalkan jika pemegang lesen didapati tidak menjalankan perniagaan sendiri.

Dalam usaha untuk memastikan peniaga tempatan tidak terancam dengan kehadiran mereka, PBT sentiasa menjalankan pemantauan dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap peniaga-peniaga termasuklah premis perniagaan yang dimiliki oleh peniaga tempatan manakala pekerjaannya terdiri daripada pekerja asing dan memastikan tiada penyalahgunaan lesen premis berlaku.

Sehingga kini, sebanyak 17 premis dibatalkan lesen perniagaan di Majlis Perbandaran Muar dan 15 premis digantung lesen perniagaan di Majlis Perbandaran Kulai kerana mengajikan pekerja warga asing tanpa permit yang sah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 17 (A52)**

Mohon PBT berikan statistik premis perniagaan dan lesen perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing terutama untuk DUN Johor Lama.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman, tiada lesen perniagaan yang dikeluarkan kepada peniaga bukan warganegara (warga asing) di kawasan DUN Johor Lama.

Syarat untuk permohonan lesen dan permit sementara adalah mesti warganegara Malaysia.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)
SOALAN 18 (A6)**

Adakah pengusaha kilang harus membayar Wang Amanah kepada Koridor Utiliti Johor (KUJ) bagi tujuan mendapatkan sambungan bekalan elektrik untuk sesebuah kilang yang baru mula beroperasi? Adakah perkara ini termaktub dalam undang-undang Johor / Malaysia?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Sedia maklum bahawa sebelum sambungan Bekalan elektrik dapat disalurkan kepada pemohon, kerja-kerja infrastruktur asas seperti korekan bagi tujuan rentangan kabel perlu dilaksanakan disatu-satu kawasan bergantung kepada punca bekalan yang terdekat.

Bagi melaksanakan kerja-kerja seperti di atas sama ada melalui korekan terbuka atau Horizontal Direct Drilling (HDD), pihak pemaju perlulah mendapat kelulusan izin lalu serta permit kerja sepertimana yang telah disyaratkan di dalam pelaksanaan OSC 3.0.

Bagi Negeri Johor, kelulusan izin lalu & permit kerja ini perlu diperolehi daripada Koridor Utiliti Johor (KUJ), iaitu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia dan memudah cara segala kerja-kerja korekan oleh syarikat-syarikat utiliti di Negeri Johor.

Sehubungan dengan itu, terdapat dua kaedah pelaksanaan kerja-kerja di tapak :

- I. Kerja-kerja dilaksanakan oleh TNB – Sekiranya kerja-kerja korekan bagi tujuan rentangan kabel dilaksanakan oleh TNB sepenuhnya.
- II. Kerja dilaksanakan oleh Pemaju – Sekiranya kerja-kerja korekan bagi tujuan rentangan kabel / HDD dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik oleh pemaju.

Bagi perolehan permit kerja, pihak PBT/JKR akan mengenakan pembayaran wang amanah sebagai deposit pelaksanaan kerja. Wang amanah ini bertujuan untuk memastikan syarikat Utiliti atau kontraktor yang dilantik oleh pemohon melaksanakan kerja-kerja dengan memuaskan dan mematuhi spesifikasi asal jalan raya berkaitan dengan laluan kabel selepas kerja-kerja ditamatkan.

Apabila kerja telah selesai, wang amanah boleh dituntut semula daripada pihak PBT/JKR. Pihak yang perlu menjelaskan pembayaran wang amanah ini pula adalah tertakluk kepada surat kelulusan izin lalu yang telah dikeluarkan oleh pihak JKR/PBT terlibat.

Polisi ini adalah bersesuaian dengan Pekeliling / Arahan Kerajaan Negeri Johor 2011 iaitu Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti dan Penggalian Jalan Negeri Johor serta selaras dengan Prosedur Permohonan Syarikat Utiliti kepada JKR (Pindaan 2018) oleh Kementerian Kerja Raya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 19 (A190)**

Apakah bentuk bantuan-bantuan lain yang diberi kepada pesakit dan keluarga COVID-19?

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) telah menyantuni keseluruhan rakyat negeri Johor yang terjejas akibat Covid-19 termasuk kepada pesakit dan keluarga COVID-19 dengan pemberian bantuan bakul makanan dan bantuan lain berbentuk tunai serta keperluan khas seperti lampin pakai buang dan susu khas bagi pesakit terlantar. JKM juga sentiasa mengambil tindakan segera bagi setiap aduan yang diterima dari pesakit dan ahli keluarga COVID-19 untuk memastikan kebajikan mereka terjamin dan keperluan mereka dipenuhi.

Di samping itu, pihak JKM juga telah memberikan perkhidmatan sokongan psikologi dan intervensi krisis kepada seramai 595 individu yang turut merangkumi pesakit dan keluarga COVID-19 yang memerlukan sokongan emosi. Seramai 178 orang *Person Under Investigation (PUI)*, *Person Under Surveillance (PUS)* dan waris kepada pesakit Covid-19 telah diberi sokongan psikologi sama ada secara tele kaunseling atau secara bersemuka. Melalui perkhidmatan ini, waris berpeluang untuk menyatakan tentang keperluan bantuan lain yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan mereka.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 20 (A39)**

Apakah tindakan kerajaan negeri untuk menghidupkan kembali sektor pelancongan yang terjejas teruk oleh Covid 19?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 21 (A80)**

Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan sektor pelancongan di Negeri Johor dan apakah bantuan kepada sektor pelancongan yang disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan sejak bulan Mac.

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 22 (A128)**

Minta jelaskan kaedah promosi serta perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha mempromosikan semula Tahun Melawat Johor walaupun masih dalam cabaran pandemik Covid-19.

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI
(Jawapan bersekali untuk soalan A39, A128 & A80)**

Kerajaan Negeri kini sedang giat menggalakkan pelancongan domestik bagi merencanakan semula Tahun Melawat Johor. Semenjak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, kerajaan Negeri melalui Tourism Johor giat bekerjasama bersama agensi-agensi seperti MOTAC, Tourism Malaysia Wilayah Selatan dan juga IRDA untuk menstrategikan semula promosi pelancongan bagi negeri Johor. Antara usaha yang telah dilakukan oleh Tourism Johor adalah :

i) Sesi Libat Urus bersama Penggiat Industri & Pengusaha Produk Pelancongan

Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor telah mengambil langkah proaktif untuk memastikan semua permasalahan yang dihadapi oleh penggiat industri serta pengusaha produk pelancongan didengari & diambil kira untuk membantu kerajaan Negeri merangka sebuah pelan tindakan khusus bagi membantu mereka yang terkesan.

Oleh itu, dua (2) sesi libat urus telah diadakan pada bulan Jun bersama penggiat-penggiat industri pelancongan di Johor. Melalui sesi libat urus tersebut, beberapa pandangan serta cadangan telah diambil kira seperti produk-produk pelancongan yang ingin dipromosikan oleh Kerajaan Negeri perlulah berfokus, menggunakan platform media sosial untuk mempromosikan produk-produk pelancongan serta kembali berfokus kepada pelancong

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

domestik & mempersiapkan kawasan sekitar produk pelancongan agar ia terjaga kebersihannya, diperbaiki kemudahan fasiliti dan lain-lain.

ii) Mempromosi produk-produk pelancongan melalui Media & *Influencers*

Ini merupakan inisiatif baru Kerajaan Negeri untuk mempromosikan negeri Johor sebagai pilihan utama pelancong domestik. Inisiatif ini melibatkan beberapa selebriti terkenal tanah air yang dijemput sebagai selebriti undangan untuk mempromosikan produk pelancongan di setiap daerah di Johor. Program berkonsepkan Travelogue ini mempunyai 13 episod dan akan disiarkan di siaran Astro Ria & Astro Ria HD pada 25 September 2020 ini. Selebriti-selebriti yang dijemput ini juga tidak terlepas untuk mempromosikan setiap produk pelancongan yang mereka lawati di laman media sosial mereka termasuk *Instagram* dan *Facebook*. Selebriti-selebriti yang dijemput ini juga tidak terlepas untuk mempromosikan setiap produk pelancongan yang mereka lawati di laman media sosial mereka termasuk *Instagram* dan *Facebook*.

iii) Menaik taraf prasarana produk-produk pelancongan

Untuk makluman, Tourism Johor telah mengenal pasti beberapa prasarana pelancongan yang boleh di baik pulih dan di naik taraf di beberapa buah lokasi. Antaranya adalah :

- i) Pusat Sehenti Warisan Johor di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Johor Bahru
- ii) Air Terjun Kota Tinggi, Kota Tinggi
- iii) Taman Negara Endau-Rompin (PETA), Mersing
- iv) Taman Negara Gunung Ledang, Tangkak
- v) Laman Samudera, Mersing
- vi) Skrin Digital (LED) di Bandaraya Muar
- vii) Kampung Sungai Melayu di Iskandar Puteri
- viii) Dataran Pelancongan & Budaya di Simpang Renggam

iv) Media Sosial

Selain itu, Tourism Johor juga sedang giat menambah baik '*social media contents*' untuk paparan umum dan pelancong. Antara medium media sosial tersebut adalah *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* serta *Youtube*. Kesemua pengisian ini akan menonjolkan keunikan serta keistimewaan destinasi-destinasi serta produk-produk pelancongan di Johor. Ia juga akan mempunyai beberapa pilihan bahasa selain Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris.

v) Mengemaskini peta pelancongan setiap daerah

Tourism Johor dengan kerjasama pejabat daerah serta pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pengusaha produk pelancongan sedang mengemaskini peta pelancongan yang menonjolkan tempat-tempat yang perlu dilawati oleh pelancong apabila mereka kunjungi

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

daerah tersebut. Peta tersebut akan dijadikan bukan sahaja dalam bentuk pamflet malah secara digital yang interaktif dan mesra pengguna di media sosial. Peta tersebut akan menentengahkan produk pelancongan melalui 4 aspek iaitu :

- produk utama (*main product*)
- produk sokongan (*supporting products*)
- tempat makan (*food & beverages*)
- tempat penginapan (*accomodation*)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 23 (A27)**

Apakah langkah-langkah menangani masalah pengangguran di Negeri Johor?

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)
SOALAN 24 (A32)**

Apakah usaha yang dilakukan dan telah dilaksanakan oleh kerajaan Johor dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang dibuang kerana Covid19?

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 25 (A42)**

Apakah pelan pemulihan yang disediakan oleh kerajaan negeri di dalam usaha membantu golongan yang kehilangan pekerjaan dalam tempoh PKP?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 26 (A81)**

Bagaimana Kerajaan Negeri boleh membantu meringankan beban rakyat Johor terutama penganggur untuk mencari pekerjaan pasca COVID-19?

**YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)
SOALAN 27 (A86)**

Mohon nyatakan kadar pengangguran dan statistik anak muda yang hilang pekerjaan di negeri Johor sebelum dan selepas wabak Covid-19 melanda negara.

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 28 (A142)**

Berapakah kadar pengangguran negeri Johor pada tahun 2018, 2019 dan setakat Ogos 2020? Apakah inisiatif kerajaan untuk mengatasi kadar pengangguran di negeri Johor akibat perebakan Covid-19?

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 29 (A146)**

Baru-baru ini, YAB Menteri Besar ada menyatakan tentang angka pengangguran seramai 173,000 orang di negeri Johor disebabkan pemberhentian di sektor awam. Sila nyatakan apakah langkah jangka panjang/pendek untuk menangani masalah ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 30 (A159)**

Apakah usaha kerajaan untuk membantu rakyat yang kehilangan pekerjaan akibat pandemik Covid-19?

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 31 (A185)**

Apakah rancangan, inisiatif dan bantuan daripada kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan untuk menghadapi masalah pengangguran disebabkan oleh penutupan sempadan antara Malaysia dan Singapura serta ekonomi Singapura merosot susulan pandemik Covid-19?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 32 (A195)**

Sejumlah 173,000 orang bakal kehilangan pekerjaan. Ini disebabkan oleh kebergantungan kepada ekonomi Singapura dan keadaan ekonomi Johor yang perlahan. Apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan dalam usaha menyediakan peluang pekerjaan untuk anak Johor terutamanya yang bekerja di Singapura?

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 33 (A196)**

Nyatakan dengan terperinci kadar pengangguran terkini seluruh negeri Johor khususnya sepanjang tempoh PKP dan pasca PKP serta tindakan kerajaan menempatkan semula mereka dalam sektor pekerjaan, serta sama ada peruntukan sedia ada untuk membantu golongan terjejas akibat COVID-19 mencukupi?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD
(Jawapan bersekali untuk soalan A27, A32, A42, A81, A86, A142, A146, A159, A185,
A195 & A196)**

Izinkan saya menjawab soalan YB Tiram, YB Parit Yaani, YB Mahkota, YB Tangkak, YB Paloh, YB Pekan Nanas, YB Kempas, YB Pasir Raja, YB Skudai, YB Sri Medan dan YB Maharani bersekali kerana ia berkait yang mana kesemuanya menyentuh kepada isu pengangguran.

Sebagaimana makluman semua, penularan Pandemik Covid-19 ini telah memberi impak negatif kepada perkembangan sosioekonomi negeri Johor, negara mahupun seluruh dunia. Kesan langsung itu membawa kepada pengenalan amalan kehidupan yang luar dari kebiasaan atau norma baharu, perubahan ekonomi global dan juga lanskap pasaran

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

pekerjaan. Bermula bulan Mac sehingga Ogos 2020 adalah suatu tempoh masa yang sukar bagi sosio-ekonomi negeri Johor mahupun seluruh dunia akibat serangan Pandemik Covid-19, kesan langsung daripada situasi ekonomi yang merundum dan tidak stabil ini menyumbang kepada peningkatan jumlah kes pemberhentian pekerja atau kehilangan pekerjaan.

Kerajaan negeri sentiasa memandang serius serta mengambil tindakan pro aktif kepada permasalahan yang timbul khususnya isu pengangguran yang berkait rapat juga dengan tahap kebolehpasaran. Merujuk kepada laporan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor, angka terkini bagi pekerja-pekerja swasta yang telah kehilangan pekerjaan mengikut pecahan industri adalah berjumlah 4135 orang dan seramai 3334 orang pekerja tempatan di negeri Johor telah kehilangan pekerjaan sejak mula tempoh PKP dikuatkuasakan iaitu bermula pada 18.03.2020 sehingga 02.09.2020.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di negeri Johor pada 2018 ialah 3.0 peratus. Kadar pengangguran dilihat lebih baik pada tahun 2019 pada kadar 2.7 peratus.

Manakala pada suku tahun pertama 2020, kadar pengangguran di negeri Johor telah meningkat pada kadar 3.2 peratus. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang berterusan dalam tempoh suku tahun kedua 2020 yang mana secara tidak langsung turut menghadkan operasi aktiviti ekonomi didapati telah memberi kesan drastik terhadap kadar pengangguran negeri Johor dengan kadar 4.9 peratus.

Bagi persoalan yang dibangkitkan oleh YB Paloh berkenaan statistik pengangguran bagi anak muda, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada tahun 2019, kadar pengangguran belia yang berumur 15 - 30 tahun di Negeri Johor adalah 5.6 peratus. Jumlah penganggur belia yang direkodkan bagi suku tahun pertama (ST1) 2020 telah menunjukkan pertambahan dengan kadar pengangguran 6.3 peratus. Tren ini terus meningkat pada ST2 2020 dengan kadar pengangguran belia di Negeri Johor meningkat kepada 7.8 peratus kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 lalu akibat penularan COVID-19.

Kerajaan negeri Johor amat prihatin dengan situasi yang berlaku dan sentiasa berusaha keras menangani sebarang permasalahan secara holistik dan berhemah. Kita sedia maklum tentang penutupan sempadan antara Malaysia dan Singapura semasa tempoh PKP memberi kesan langsung kepada perkembangan ekonomi negeri mahupun pasaran tenaga kerja berikutan kadar kebergantungan yang tinggi kepada negara jiran tersebut. Namun kini, sempadan Malaysia-Singapura telah dibuka secara berperingkat bermula pada 17 Ogos yang lalu. Ianya sedikit sebanyak memberi petanda baik kepada langkah rejuvenasi ekonomi negeri mahupun negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Selari dengan itu, kerajaan negeri Johor melalui Unit Strategik Modal Insan Johor mengambil langkah drastik untuk merancang dan seterusnya melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi menangani masalah kehilangan pekerjaan dan membantu meringankan beban rakyat. Objektif utama kerajaan negeri Johor adalah mempertingkatkan kemahiran rakyat negeri Johor agar dapat melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang mahir dan kompeten dalam bidang masing-masing bagi keperluan sektor pekerjaan di masa kini dan juga masa hadapan.

Antara inisiatif yang sedang dipergiatkan oleh Unit Strategik Modal Insan Johor adalah:

1. Program Minggu Kerjaya Johor

Sejajar dengan pembukaan semula ekonomi negara yang melibatkan beberapa sektor ekonomi telah kembali beroperasi, ini secara tidak langsung menunjukkan tanda pemulihan dalam pasaran pekerjaan. Justeru itu Program Minggu Kerjaya Johor akan dijadualkan berlangsung pada bulan September 2020 ini, iaitu pada 21-23 haribulan.

Program ini akan dijalankan serentak di 3 lokasi meliputi 3 zon; Zon Utara, Zon Tengah dan Zon Selatan. Zon Utara akan diadakan di Muar, Zon Tengah di Kluang manakala Zon Selatan di Johor Bahru. Penganjuran program ini juga akan mengambil kira Prosedur Standard Operasi (SOP) dan mendedahkan kepada rakyat dengan temu duga amalan normal baharu untuk mengawal penularan Covid-19. Program ini menawarkan 1000 peluang pekerjaan.

2. Program Peningkatan Kemahiran Teknikal Lulusan Siswazah & SPM serta Program Upskilling & Reskilling.

Usaha lain yang turut akan dilaksanakan ialah Program Peningkatan Kemahiran Teknikal Lulusan Siswazah dan SPM yang membuka peluang pembelajaran berterusan atau peluang kedua untuk meningkatkan kemahiran teknikal. Program ini menyasarkan penglibatan graduan yang masih menganggur selama setahun selepas tamat pengajian dan juga lulusan SPM. Menerusi program ini, para belia akan diberi pendedahan yang baharu berkenaan dengan keperluan kemahiran tambahan dalam pembangunan kemahiran bagi kesan jangka masa pendek dan panjang. Selain itu, Unit SMI juga telah membuat hebahan di laman sosial Facebook pada 1 September 2020 serta hebahan kepada Pejabat- Pejabat Daerah, Pejabat-Pejabat DUN dan Penyelaras-Penyelaras DUN bagi mendapatkan penyertaan pelaksanaan Program Johor Upskilling and Reskilling. Program ini bertujuan untuk membantu rakyat Negeri Johor yang diberhentikan akibat pandemik COVID-19 melalui latihan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran mengikut keperluan industri semasa di Negeri Johor dan meningkatkan peluang penempatan pekerjaan. Antara kursus bagi Fasa 1 yang akan dijalankan ialah

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

bidang kimpalan, penyelenggaraan elektrik, penyelia keselamatan tapak bina dan pemasangan perancah. Program yang akan dianjurkan pada bulan Oktober 2020 ini menyasarkan penyertaan seramai 300 orang.

Untuk makluman semua, kerajaan negeri juga turut aktif menjalinkan usahasama erat dengan beberapa agensi kerajaan mahupun swasta bagi mencari jalan penyelesaian yang efektif bagi menangani isu berkaitan tenaga kerja atau sumber manusia. Antara agensi yang giat bekerjasama adalah Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor dan juga JobsMalaysia Johor.

Berdasarkan statistik JobsMalaysia Johor terdapat sebanyak 44,957 peluang pekerjaan baru berjaya diwujudkan di negeri Johor dari tarikh 01.01.2020 hingga 31.08.2020 sebagaimana yang boleh dirujuk pada Lampiran A-Data Kekosongan Jawatan (2020). Kekosongan jawatan tersebut adalah di kategorikan mengikut Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO) dan Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC).

Pihak Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor melalui JobsMalaysia Johor mengambil inisiatif dan telah melaksanakan pelbagai aktiviti serta program perkhidmatan pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran di negeri ini. Antara inisiatif atau program yang telah dilaksanakan adalah penganjuran 4 edisi Karnival Kerjaya yang telah dijalankan pada tarikh - tarikh berikut :-

Bil	Program	Tempat	Tarikh
1.	Karnival Kerjaya JobsMalaysia UTC Pasir Gudang	UTC Pasir Gudang	23.02.2020
2.	Karnival Kerjaya JobsMalaysia Batu Pahat	Bangunan Gunasama Persekutuan	01.03.2020
3.	Karnival Kerjaya JobsMalaysia Segamat	U Central Mall, Segamat	08.03.2020
4.	Karnival Kerjaya JobsMalaysia Johor Bahru	B5, Johor Bahru	15.03.2020

Kesemua program ini telah dijalankan sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18.03.2020 lalu. Selain itu, pihak JobsMalaysia juga giat mengadakan Program Temuduga Terbuka yang dijalankan di semua pejabat JobsMalaysia (JMC) UTC Johor dan pejabat JobsMalaysia Point (JMP) di seluruh negeri Johor.

Sebanyak 56 buah Program Temuduga Terbuka telah dijalankan sehingga 31.08.2020. Bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan. JobsMalaysia juga telah menjalinkan kerjasama dengan industri tertentu bagi pelaksanaan Program Temuduga Terbuka yang

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

dijalankan pada bulan Ogos di seluruh negeri Johor. Sebagai contoh, sebanyak 10 buah temu duga telah diadakan bersama pihak Kulim (M) Sdn. Bhd. bagi sektor perladangan di mana 169 orang telah berjaya mendapat pekerjaan sebagai pekerja ladang.

Bagi usaha Pasca Covid-19, pihak Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja melalui JobsMalaysia telah pun merancang untuk melaksanakan Minggu Kerjaya yang akan diadakan pada 21,22 dan 23.09.2020. Ia adalah satu program Temu duga Terbuka secara online di mana pencari kerja akan hadir ke sesi temu duga secara maya manakala pihak majikan akan berada di lokasi perniagaan masing-masing. Pelaksanaan program ini adalah salah satu cara kerajaan melaksanakan aktiviti atau program mengikut norma baharu bagi mematuhi arahan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pelaksanaan kesemua program - program ini diharapkan dapat membantu individu awam atau pencari kerja mendapatkan kembali pekerjaan akibat diberhentikan dan seterusnya mengatasi masalah pengangguran di negeri Johor khususnya.

Kerajaan persekutuan turut mengambil perhatian serius terhadap isu pengangguran dan isu-isu berkaitan modal insan atau sumber manusia dengan melancarkan beberapa inisiatif bagi menangani permasalahan tersebut. Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memperluaskan Program Subsidi Upah bagi membantu sektor perniagaan mengekalkan pekerja mereka dan mengurangkan aliran tunai. Sehingga 8 Jun lalu, permohonan bagi Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) membabitkan 37,435 majikan dan 335,933 pekerja. Permohonan subsidi upah pula membabitkan 309,410 majikan dan 2,509,916 pekerja. Selain mengekalkan pekerja, kementerian juga berusaha untuk mencipta pekerjaan dan mendorong penempatan melalui Program Insentif Pengambilan yang dikendalikan PERKESO. Program ini bertujuan memberi pekerjaan kepada 300,000 pencari kerja. Di bawah inisiatif ini, majikan diberi insentif tunai langsung jika mereka menggaji pekerja Malaysia termasuk perantis yang berusia bawah 40 tahun dan 40 tahun ke atas atau orang kurang upaya (OKU).

Bagi menjawab pertanyaan YB Maharani, sama ada peruntukan sedia ada untuk membantu golongan terjejas akibat COVID-19 mencukupi atau tidak? Jujur saya katakan dari sudut pandangan peribadi saya, peruntukan sedia ada berjumlah RM6 Juta adalah tidak memadai dan mencukupi jika dibandingkan dengan kadar jumlah pengangguran yang tinggi. Namun begitu, saya percaya dan yakin akan kerajaan negeri yang sentiasa berusaha keras dan prihatin dalam membantu menyelesaikan sesuatu permasalahan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 34 (A47)**

Apakah status terkini projek naik taraf Empangan Bekok dan bilakah tarikh siap projek?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Projek menaik taraf Empangan Bekok oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dimulakan sejak Nov. 2019. Skop projek meliputi:

- i. kerja-kerja permulaan dan kehendak am (preliminaries and general items),
- ii. kawalan dan pematuhan keperluan alam sekitar selaras dengan kehendak Environmental Impact Assessment (EIA),
- iii. kerja naiktaraf struktur dan meninggikan aras empangan sedia ada setinggi satu (1) meter yang akan:-
 - a) meningkatkan kapasiti takungan (pond capacity) dari **32 juta meter padu masakini kepada 70 juta meter padu,**
 - b) meningkat kapasiti bekalan air (supply yield) dari **170 juta liter sehari kepada 260 juta liter sehari** (iaitu peningkatan sebanyak 52%)
- iv. kerja-kerja lain yang berkaitan.

Sepertimana yang telah dimaklumkan semasa taklimat projek kepada YB Ahli Dewan Undangan Negeri Yong Peng oleh JPS pada 23 Feb. 2020 lalu, tempoh pelaksanaan projek ini oleh kontraktor yang dilantik adalah mulai 14 Nov. 2019 sehingga **tarikh siap sepatutnya pada 13 Nov. 2021**, iaitu selama 24 bulan tempoh kontrak. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihak kontraktor terpaksa menghentikan kerja dan mereka layak dipertimbangkan untuk lanjutan masa tempoh kontrak selama tempoh kerja tidak dibenarkan tersebut.

Status terkini sehingga 31 Ogos 2020, pelaksanaan projek mencapai 31% (sebenar) berbanding 38% (sepatutnya), iaitu terlewat sebanyak 7%. Pengiraan ini belum mengambilkira lanjutan tempoh kontrak yang layak diberikan kepada kontraktor. Sekiranya faktor tersebut diambil kira, kemajuan kerja sebenar adalah seiring dengan yang sepatutnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)
SOALAN 35 (A120)**

Nyatakan usaha kerajaan negeri dalam memulihara bangunan warisan dan bangunan lama yang banyak terdapat di Negeri Johor serta berapakah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri melalui YWJ dan Pihak Berkuasa Tempatan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Usaha kerajaan negeri dalam memulihara bangunan warisan dan bangunan lama yang banyak terdapat di Negeri Johor, iaitu dengan merujuk berdasarkan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Enakmen Yayasan Warisan Negeri. Antaranya adalah melalui prosesewartakan bangunan tersebut dan kemudian melaksanakan proses pemuliharaan mengikut keperluan semasa. Sebagai contoh, pada waktu ini, satu projek pemuliharaan Bangunan Dato' Jaafar (Muzium Tokoh Johor) dengan kos RM2 Juta melalui peruntukan daripada Tabung Amanah Warisan akan dijalankan.

Yayasan Warisan Johor juga sedang merangka beberapa cadangan bagi tindakan untuk menyelamatkan dan memelihara bangunan, tapak dan monumen warisan negeri Johor serta dijangka akan melibatkan kerjasama daripada beberapa agensi di bawah kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 36 (A29)**

Mengapakah kutipan RM2100 untuk pekerja Singapura pemeriksaan Covid-19 sedangkan pendatang asing tanpa izin dapat tempat, makanan dan minuman berbulan-bulan dalam kem tahanan?

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Seperti yang sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri bermula 18 Mac 2020 adalah berdasarkan Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 iaitu Akta 342. Mulai 10 Jun hingga 31 Disember 2020 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah dilaksanakan sebagai langkah kepada exit strategy sebelum sebarang keputusan diambil untuk menamatkan PKP.

Punca kuasa arahan mewajibkan setiap warganegara atau pelawat yang pulang dari luar negara di kuarantin berdasarkan kepada Perkara 14, Akta 342 ini iaitu;

“Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menyebabkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti atau yang dia mempunyai sebab untuk percaya telah dijangkiti oleh sesuatu penyakit berjangkit dipindahkan ke suatu stesen kuarantin bagi rawatan dan boleh menahan orang itu di stesen itu sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.”

Merujuk kepada soalan YB Tiram mengapa dikenakan bayaran RM2,100 sedangkan tahanan pendatang asing tanpa izin disediakan tempat, makanan dan minuman, sukacita dimaklumkan bahawa bayaran RM2,100 adalah fi yang dikenakan termasuk bilik penginapan, makan dan minum oleh pihak hotel iaitu stesen kuarantin selama 14 hari individu itu di kuarantin wajib iaitu RM150 sehari. Stesen kuarantin ini ditetap dan diurus oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi memberikan keselesaan kepada waranegara yang baru pulang dari luar negara dengan ditempatkan seorang dalam satu bilik.

Mulai 24 Julai 2020, pengecualian bayaran di Stesen Kuarantin diberikan kepada individu-individu warganegara seperti berikut:

- (i) Pemegang Kad OKU yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];
- (ii) Warganegara Malaysia daripada golongan B40;
- (iii) Warganegara Malaysia yang merupakan ibu, bapa, suami, isteri atau anak yang berumur 18 tahun ke bawah, kepada warganegara Malaysia daripada golongan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

B40 yang pulang dari luar negeri bersama-sama dengan warganegara Malaysia daripada golongan B40 itu;

- (iv) Pelajar yang merupakan warganegara Malaysia daripada golongan B40;
- (v) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur enam tahun dan ke bawah;
- (vi) Kanak-kanak yang merupakan warganegara Malaysia yang berumur dua belas tahun dan ke bawah yang pulang dari luar negeri seorang diri; dan
- (vii) Warganegara Malaysia yang pulang ke Malaysia sebaik sahaja dibebaskan dari penjara di luar negara yang tidak mampu membayar kos dan perbelanjaan di stesen kuarantin atau tiada pendapatan.

Berbeza pula dengan tahanan PATI di mana mereka merupakan pesalah yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan Akta Pasport 1966 (Akta 150). PATI ini perlu berada di dalam Depot Imigresen bagi satu jangka masa sebelum dihantar pulang ke negara asal, iaitu setelah negara asal PATI mengeluarkan dokumen perjalanan. Kemudahan penginapan, makan dan minum di depoh tahanan adalah berdasarkan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan ianya berbeza dengan kemudahan di Stesen kuarantin sama ada di Institut Latihan Awam atau hotel yang dijadikan sebagai Stesen kuarantin.

Setakat ini, Pihak Kerajaan Persekutuan tiada keputusan untuk membenarkan semula kuarantin 14 hari di rumah. Ini berdasarkan kepada trend peningkatan kes di luar negara terutama negara-negara ASEAN, seperti Indonesia dan Filipina.

Segala keputusan dasar berkaitan kebenaran kuarantin 14 hari di rumah adalah berdasarkan keputusan Kerajaan Persekutuan di dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan yang turut mengambil kira pandangan dan nasihat dari pihak Kementerian Kesihatan (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Faktor-faktor yang diambil kira termasuklah seperti;

- i. kes baharu dan aktif yang rendah, dan terkawal;
- ii. pematuhan arahan SOP PKPP di kalangan rakyat; dan
- iii. kemampuan dan keupayaan pihak KKM sekiranya berlaku peningkatan kes yang mendadak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 37 (A126)**

Kerajaan telah melaksanakan perintah kuarantin bagi individu yang pulang dari luar negara dan kos kuarantin tersebut ditanggung sendiri. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membantu menanggung kos kuarantin tersebut kerana terdapat dari kalangan mereka ke luar negara adalah kerana bekerja.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Bermula 24 Julai 2020, kesemua pengembara yang diarahkan untuk menjalani kuarantin selama 14 hari perlu menanggung kos kuarantin tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kategori individu yang layak Pengecualian serta-merta bayaran kos kuarantin iaitu:

- Orang Kelainan Upaya (OKU) warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- Kanak-kanak warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara yang berumur 6 tahun dan ke bawah;
- Bekas Banduan Penjara Warganegara Malaysia yang baru dibebaskan dari luar negara dan pulang dari luar negara yang tidak mampu membayar dan tiada sumber kewangan;
- Kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun dan ke bawah dan pulang dari luar negara secara berseorangan; dan
- Penjaga Warganegara Malaysia dari dalam negara yang perlu menemani PUS Kanak-Kanak warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke bawah yang pulang berseorangan dari luar negara. (Penjaga tersebut menanggung kos makan minum sebanyak RM50 sehari)

Individu-individu yang termasuk dalam kategori di atas perlu mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan semasa di Stesen Kuarantin. Bagi Individu selain kategori tersebut yang mempunyai masalah untuk membayar kos kuarantin perlu membuat permohonan secara email kepada pengecualicovid@moh.gov.my .

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 38 (A88)**

Adakah Skim Takaful Warga Emas masih diteruskan atau tidak? Jika masih diteruskan, berapakah peruntukan untuk tahun 2020?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Untuk makluman, program Skim Takaful Warga Emas masih diteruskan untuk tahun 2020. Program ini juga ditambah baik dengan penambahan keahlian daripada 11,200 kepada 28,000 orang warga emas dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM 1,680,000.00. Pelaksanaan program ini akan dimaklumkan kepada mereka yang layak selepas mendapat persetujuan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 39 (A37)**

Covid 19 telah menjejaskan pendapatan ramai peniaga dan penjaja kecil, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh PBT bagi mempermudah golongan ini untuk kembali berniaga dan apakah insentif tambahan akan diberikan kepada mereka?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Antara usaha yang dilakukan bagi mempermudah peniaga dan penjaja kembali berniaga adalah dengan memberikan kebenaran pengoperasian semula aktiviti tersebut secara berperingkat dalam tempoh PKPB dan PKPP dengan pematuhan kepada norma baharu.

Peniaga dan penjaja hendaklah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar tiada isu berbangkit.

PBT turut membantu dengan memudahkan urusan permohonan lesen dan mengenal pasti kawasan yang boleh menempatkan peniaga-peniaga kecil ini untuk menjalankan perniagaan.

Kerajaan Negeri Johor turut menyediakan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor 2020 yang mana terdapat insentif dan inisiatif kepada sektor PKS yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19. Inisiatif tersebut adalah dalam bentuk pengecualian bayaran lesen perniagaan selama setahun bermula Januari hingga Disember 2020 dan juga pengecualian bayaran sewa premis bermula bulan April hingga Disember 2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)
SOALAN 40 (A3)**

Memohon untuk menaiktarafkan Pusat pemeriksaan PUSPAKOM yang terdapat di Segamat dan Batu Pahat untuk menjalankan pemeriksaan bagi semua jenis kenderaan dan bukan hanya untuk kenderaan ringan sahaja demi menjimatkan masa dan kos rakyat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Pada masa ini Pusat Pemeriksaan PUSPAKOM yang terdapat di Segamat dan Batu Pahat hanya menawarkan pemeriksaan untuk kenderaan perdagangan ringan dan kenderaan persendirian sahaja. Ini adalah kerana keluasan kawasan dan saiz bangunan pusat pemeriksaan yang sedia ada di Segamat dan Batu Pahat adalah terhad dan tidak sesuai untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan berat. Pada masa ini, semua kenderaan berat, pemeriksaan akan dijalankan di pusat-pusat pemeriksaan lain seperti di Muar, Kluang, Johor Bahru dan Alor Gajah. Pada masa yang sama PUSPAKOM juga menyediakan perkhidmatan pemeriksaan secara lawatan untuk kenderaan berat di lokasi terpilih seperti Bahau dan Mersing.

Pihak PUSPAKOM sentiasa dan sedang menjalankan kajian keperluan menaiktaraf cawangan seluruh Malaysia termasuk di Segamat dan Batu Pahat dan mengambil maklum berkaitan permohonan ini. Kajian kebolehlaksanaan untuk menaiktaraf pusat pemeriksaan pemeriksaan di Segamat dan Batu Pahat juga akan dimaklumkan dari masa ke masa kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 41 (A50)**

Mohon penjelasan dari pihak JKM, bilakah syarat permohonan bantuan iaitu pendapatan per kapita akan diubah selaras dengan pengumuman Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional yang telah menjadi RM2,208 sementara Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Johor menjadi RM2,508.

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor menyambut baik dan mengambil maklum bahawa Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Nasional telah dinaikkan dari RM960 kepada RM2,208 sementara Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri Johor menjadi RM2,508.

Sehingga kini, pihak JKM masih menggunakan PGK semasa tahun 2016 iaitu RM960 bagi syarat permohonan bantuan. Hal ini adalah berikutan pemakluman oleh Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa PGK 2019 ini akan diguna pakai dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas RMKe-12, iaitu bagi tempoh 2021-2025. Semua jabatan diberi masa 5 bulan untuk mengkaji semula dasar berkaitan dengan peranan dan fungsi jabatan. JKM sedang meneliti secara terperinci dasar dan program sedia ada yang mempunyai hubung kait dengan kadar PGK dan bersedia membuat penambahbaikan sejajar dengan peningkatan PGK Nasional ini.

Cadangan dan keperluan penambahbaikan yang dirangka akan diangkat dan dibincangkan segera dengan kementerian dan agensi yang berkaitan demi kebaikan kumpulan sasar jabatan dan kesejahteraan masyarakat negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 42 (A104)**

Senaraikan insentif-insentif di bawah sektor pelancongan yang ada dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor.

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 43 (A132)**

Senaraikan insentif-insentif di bawah sektor pelancongan yang ada dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor.

**JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI
(Jawapan bersekali untuk soalan A104 & A132)**

Insentif-insentif bagi sektor pelancongan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor adalah :

- i) Pemberian insentif *one-off* RM1000 kepada 936 orang pemandu pelancong berlesen yang menetap di Johor. Insentif ini melibatkan anggaran kos sebanyak RM 936,000.00
- ii) Pengecualian bayaran lesen perniagaan kepada pemilik syarikat pelancongan dan hotel bagi tahun 2020. Insentif ini melibatkan anggaran kos sebanyak RM 894,211.00 membabitkan 1,031 lesen perniagaan
- iii) Pengecualian bayaran duti hiburan bagi taman tema dan pusat hiburan keluarga bagi tahun 2020. Insentif pengecualian ini dianggarkan berjumlah RM 3 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 44 (A54)**

Mohon tapak rumah untuk generasi muda di kampung tradisional dan di bawah KEJORA dalam DUN Johor Lama khususnya. Adakah KEJORA ada cadangan untuk wujudkan kawasan perumahan untuk menempatkan generasi kedua dan ketiga ini?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam jangka masa terdekat ini KEJORA tiada perancangan mewujudkan kawasan penempatan bagi generasi kedua dan ketiga dalam kawasan DUN Johor Lama.

Walau bagaimanapun, KEJORA sedang membangunkan satu projek perumahan berhampiran dalam Mukim Johor Lama di bawah DUN Penawar iaitu di Kampung Tanjung Buai. Sebanyak 56 unit rumah telah dibangunkan dan projek sedang dalam peringkat akhir pelaksanaan dijangka siap awal tahun 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 45 (A177)**

Adakah kerajaan menyediakan sejumlah peruntukan untuk membantu mengembangkan serta memelihara warisan zapin Pulau Mersing atau seni buah pukul Mersing?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Kerajaan Negeri melalui Yayasan Warisan Johor mengambil langkah proaktif dalam usaha membantu mengembangkan serta memelihara warisan zapin Johor. Zapin Pulau Mersing merupakan di antara 18 jenis zapin Johor yang mendapat perhatian dalam usaha-usaha ini.

Antara program yang konsisten dilaksanakan oleh Yayasan Warisan Johor ialah Program Lestari Seni Budaya Negeri Johor yang merupakan sebuah program tahunan mengandungi beberapa segmen seperti kelas-kelas bimbingan, bengkel dan pertandingan yang berkaitan dengan zapin. Tujuan utama program ini adalah untuk membimbing dan melahirkan lebih ramai pelapis dan penggiat zapin di negeri Johor. Mekanisme pelaksanaan Program Lestari Seni Budaya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dijalankan adalah secara atas talian (online). Rentetan daripada pelaksanaan Program Lestari Seni Budaya Negeri Johor, sebuah program kemuncak mengumpulkan pewaris, penggiat dan penggemar Zapin Johor iaitu Festival Tari Rakyat Johor akan diadakan.

Selain itu, sebuah penggambaran khusus zapin Pulau Mersing telah diadakan dan kini dalam proses penyuntingan. Penggambaran ini bertujuan mendokumentasi dan mempromosi zapin Pulau Mersing melalui media sosial seperti *youtube*, *facebook* dan *instagram*.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 46 (A145)**

Sila jelaskan status perbincangan pembinaan Hospital Baru Kempas.

JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN

Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor prihatin akan keperluan untuk membina sebuah lagi hospital baharu di Daerah Johor Bahru bagi menampung beban kerja yang tinggi di Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Sultan Ismail.

Oleh yang demikian, cadangan pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 di kawasan Kempas telah dimohon di bawah Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12) bagi tahun 2021. Keputusan permohonan akan diketahui selepas Pembentangan Bajet Persekutuan 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 47 (A131)**

Terdapat bangunan sekolah agama yang kelihatan uzur dan sudah lama tidak diselenggara. Mohon penjelasan Kerajaan Negeri terhadap penyelesaian isu penyelenggaraan bangunan dan landskap di kawasan Sekolah Agama Kerajaan Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil berat keadaan sekolah-sekolah Agama Kerajaan Johor. Bagi tujuan penyelenggaraan, sebanyak RM7-8 Juta diperuntukan untuk kerja baikpulih sekolah seperti menggantikan bumbung, menaiktaraf bilik air, kantin, pagar, mengecat bangunan, sistem perparitan, pembasmian anai-anai dan lain-lain.

Untuk tahun 2020, sebanyak 102 buah sekolah telah dalam proses dibaikpulih dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM7 Juta. Manakala Landskap bagi Sekolah Agama Kerajaan Johor, tiada peruntukan khusus diberi. Pihak Pentadiran Sekolah Agama dengan kerjasama Badan Kebajikan Sekolah Agama digalakkan mencari inisiatif sendiri bagi menghiasi sekolah masing-masing sama ada dari sumbangan atau dibuat secara gotong-royong dan bekerjasama dengan syarikat pembersihan yang dilantik.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 48 (A187)**

Nyatakan lokasi hotspot sampah haram secara terperinci dalam kawasan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Terdapat 35 hotspot tapak pelupusan sisa haram di kawasan pentadbiran MBIP sebagaimana senarai di bawah:

1. Tanjung Kupang (Nursery) - aktif
2. Kampung Tiram Duku (Stesen Kereta Api Pekajang) - aktif
3. Jalan Teluk Serdang 5, Kg Telok Serdang, Taman Perling - aktif
4. Jalan Nusa Sentral, Taman Nusa Sentral - aktif
5. Jalan Persiaran Bakti 1, Taman Mutiara Rini (Reban Ayam) -aktif
6. Jalan Utama, Eco Botanic - aktif
7. Kampung Maju Jaya - aktif
8. Lima Kedai (Kandang Lembu) - aktif
9. Kawasan Belakang Jalan Layang-Kampung Tuah Jaya , Taman Perling - Berulang
10. Kawasan Lapang, Kampung Tuah Jaya Perling - Berulang
11. Jalan Sejahtera 6, Taman Desa Skudai - Berulang
12. Kampung Laut- Berulang
13. Jalan Wira 9, Taman Tan Sri Yaacob - Berulang
14. Lot 50, Kampung Laut - Ditutup
15. Lot 167197, Bandar Selesa Jaya (Sebelah Loji IWK) - Ditutup
16. Rezab KTM & TNB, Bandar Selesa Jaya - Ditutup
17. Jalan Selesa Jaya, Bandar Selesa Jaya - Ditutup
18. Bulatan Impian Emas, Bukit Amber – Ditutup
19. Perling, Jalan Sungai Perling Danga (Kampung Sg. Perling) - Ditutup
20. Kampung Tiram Duku, Jalan Tanjung Kupang - Selesai
21. Kampung Bukit Tempurung, Gelang Patah - Ditutup
22. Pencawang Tnb, Taman Impian Emas - Ditutup
23. Jalan Bukit Impian 19, Taman Impian Emas - Ditutup
24. Rezab KTM, Taman Impian Emas - Ditutup
25. Belakang Rini Homes 1, Mutiara Rini - Ditutup
26. Jalan Hang Lekir 22, Taman Skudai Baru - Ditutup
27. Kampung Ladang Darat, Pendas, Gelang Patah - Ditutup
28. Kampung Ladang Pendas, Jalan Kurnia Gelang Patah – Ditutup
29. Berhampiran Jalan Nusaria 1/1 - Gelang Patah - Ditutup
30. Lot 917, Kampung Pok Kecil, Gelang Patah - Ditutup
31. Kampung Pok Kecil, Jalan Sembilang - Ditutup

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

32. Setia Eco Garden - Ditutup
33. SiLC – Lokasi Baru
34. Rezab KTM, sebelah Stadium – Lokasi Baru
35. LOT 535, 536, 537,538, Jalan Skudai-Pontian – Lokasi Baru

Pihak MBIP juga telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Pemantauan Tapak Pelupusan Sisa Haram dan Pembakaran Terbuka secara berkala atau mengikut keperluan daripada semasa ke semasa di mana Jawatankuasa Mesyuarat tersebut terdiri daripada Pihak Pentadbiran MBIP yang bertindak sebagai urusetia, SWCorp, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru dan SWM Environment.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 49 (A84)**

Apakah tindakan tegas kerajaan dalam membendung wujudnya tempat-tempat pembuangan sampah haram yang boleh menimbulkan masalah pencemaran, kesihatan dan juga keselamatan kepada rakyat khususnya di daerah Johor Bahru.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2007, Parlimen telah meluluskan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) dan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 673). Akta 672 ini memberikan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan segala perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Semenanjung Malaysia, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Susulan daripada penggubalan Akta 672 ini, pindaan telah dibuat kepada Akta 171, Akta 172 dan Akta 133 bertujuan antara lain untuk menyingkirkan kuasa PBT berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Akta 672 telah dikuatkuasakan pada 1 September 2011. Oleh itu, dengan berkuat kuasanya pindaan ini, di Negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan berkenaan makan Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih kuasa berhubung dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, dan PBT tiada lagi mempunyai kuasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 50 (A75)**

Bilakah kerajaan bercadang untuk memulakan pembinaan pelabuhan barter-trade di Minyak Beku, Batu Pahat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Pembinaan pelabuhan Barter-trade di Minyak Beku, Batu Pahat merupakan salah satu inisiatif bagi menyokong 7 Ikhtiar Makmur Johor iaitu SIJO-KEPRI.

Kerajaan Negeri Johor, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dan syarikat Second Port Logistics Sdn Bhd telah menjalinkan satu usahasama bagi pembangunan Bersepadu (Intergrated Development Land) dan Marin (Marine Land) di atas Lot PTD 504 Mukim Bagan dan Lot PTD 1668 Mukim Peserai Batu Pahat, Johor. Komponen pembangunan projek ini pada asalnya meliputi *Liquid Bulk, Marine Yard, Container Yard, General Cargo Terminal*, Tapak CIQ, Ruang Polis & Terminal Feri serta komponen perumahan dan kedai pejabat.

Walau bagaimanapun, pihak syarikat telah membuat permohonan pindaan pelan susunatur serta perubahan komponen pembangunan yang baru kepada kerajaan negeri pada awal tahun ini. Permohonan pindaan pelan susunatur tersebut telah dikemukakan kepada agensi-agensi teknikal berkaitan dan seterusnya pihak syarikat perlu mematuhi semua syarat-syarat yang perlu dipatuhi. Justeru itu, projek ini hanya dapat dilaksanakan setelah pihak syarikat mengemukakan pelan pindaan yang terkini kepada Majlis Perbandaran Batu Pahat bagi mendapatkan kelulusan pindaan Kebenaran Merancang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 51 (A82)**

Adakah Kerajaan Negeri menyediakan geran atau apa-apa bantuan khusus untuk petani baru yang ingin mengusahakan dalam bidang pertanian?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Kerajaan amat prihatin dalam membantu petani-petani yang baru ingin menceburi bidang pertanian. Dalam menggalakkan petani-petani terutamanya usahawan muda kekal bersaing dan berdaya maju, banyak insentif-insentif telah diperkenalkan kepada golongan yang mula berjinak-jinak dalam bidang pertanian ini. Kerajaan sedar, dalam menjadikan petani kekal bertahan lama dalam bidang agromakanan yang serba mencabar ini, sokongan daripada kerajaan amat diperlukan oleh mereka dalam mengurangkan kos pengeluaran. Antara kos yang memberi impak yang besar terhadap kos antaranya adalah kos penyediaan kawasan, infrastruktur serta bahan input. Oleh yang demikian, melalui Jabatan Pertanian, kerajaan negeri mahupun persekutuan telah pun menyediakan insentif-insentif yang dapat membantu petani dalam mengurangkan beban dalam memulakan operasi dalam bidang pertanian. Antara insentif yang diperkenalkan adalah seperti :

1. Geran Agropreneur Muda
2. Pembangunan Belia Tani
3. Pembangunan Tanah Terbiar
4. Pertanian Bandar
5. Projek Fertigasi
6. Insentif Pembangunan Tanaman Makanan

Insentif Pertama: Program Geran Agropreneur Muda adalah inisiatif di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mana dikendalikan oleh Unit Agropreneur Muda. Ianya telah dibangunkan semenjak tahun 2014 lagi. Program ini khusus untuk golongan belia yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Pendekatan program ini adalah bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang keusahawanan berasaskan aktiviti pertanian merangkumi semua aktiviti di dalam rangkaian nilai industri pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani termasuk pemasaran, khidmat sokongan dan agropelancongan.

OBJEKTIF PROGRAM

1. Mengubah persepsi belia terhadap sector pertanian sebagai industri berdaya maju.
2. Menarik minat golongan belia berumur di antara 18 – 40 tahun untuk menceburi bidang pertanian

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

3. Menjadikan industri agromakanan sebagai aktiviti yang boleh menjana pendapatan tinggi selaras dengan Dasar Agromakanan Negara (2011-2020)
4. Meningkatkan pendapatan produktiviti pengeluaran, kualiti, teknologi dan inovasi serta pasaran yang kompetitif.

SKOP PROGRAM

Program Agropreneur Muda dilaksanakan untuk golongan belia yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi aktiviti projek mengikut sub sektor seperti berikut :

1. Tanaman.
2. Ternakan.
3. Perikanan.
4. Industri Asas Tani.
5. Agropelancongan.
6. Pemasaran dan perkhidmatan sokongan industri.

KATEGORI PROGRAM

1. Projek Permulaan

- Belum memulakan projek.
- Telah menjalankan projek kurang dari tempoh setahun atau masih belum mencapai sasaran pengeluaran secara optimum.
- Mendapat sokongan teknikal daripada Jabatan/Agensi di bawah MOA.

2. Projek Pengembangan

- Projek sedia ada melebihi tempoh setahun beroperasi.
- Projek berdaya maju dan sesuai untuk penambahan kapasiti bagi pembesaran.
- Mendapat sokongan teknikal daripada Jabatan/Agensi di bawah MOA.

Bermula dari tahun 2014 sehingga tahun 2020, sebanyak 43 permohonan telah diluluskan dengan nilai sebanyak **RM 924,000.00**.

Insentif Kedua: Pembangunan Projek Belia Tani Jabatan Pertanian Negeri Johor dibangunkan mulai tahun 2019 bagi meluaskan lagi bantuan kepada Agropreneur Muda di negeri Johor. Projek ini adalah khusus untuk golongan belia anak jati kelahiran Johor atau telah bermastautin lebih 3 tahun di Johor yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang keusahawanan berasaskan aktiviti pertanian iaitu **tanaman makanan** dan **industri asas tani**.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Bantuan ini terbuka kepada usahawan sedia ada & baharu, tidak mengira latar belakang pendidikan dan sangat berminat, bersedia, komited, bercita-cita tinggi & berpotensi namun diberi keutamaan terhadap peserta yang telah memulakan projek. Antara bantuan bantuan yang disediakan adalah khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif di bawah Program Pengembangan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian berkaitan dengan projek yang dijalankan. Dan bantuan yang dipertimbangkan adalah seperti, infrastruktur ladang, sistem pengairan, mesin kecil, papan tanda, peralatan ladang dan input pertanian (baja, racun, benih, IPM). Mesin dan peralatan pemprosesan produk industri asas tani, bengkel (baru/naiktaraf) dan pembangunan teknologi pembungkusan. Pada tahun 2020, sebanyak RM277,000.00 telah diperuntukkan di dalam program ini dengan melibatkan sebanyak 27 projek.

Untuk makluman juga, dalam menggalakkan belia-belia menceburi bidang pertanian dan mengelakkan pembaziran sumber, terdapat juga insentif di bawah Pembangunan Tanah Terbiar yang mana pada tahun ini Kerajaan Negeri telahpun memperuntukkan sebanyak RM700,00.00 yang melibatkan 17 projek. Manakala di bawah peruntukan Persekutuan, telah diperuntukkan sebanyak RM25,000 yang melibatkan 1 orang peserta di daerah Tangkak.

Terdapat juga insentif di bawah **Insentif Keempat/Kelima: Program Pertanian Bandar dan Projek Fertigasi** yang mana ianya menggalakkan petani melaksanakan projek pertanian walaupun keterdapat tanah yang terhad selain menggalakkan penggunaan teknologi dalam penghasilan produk. Selain itu, Insentif juga diberikan melalui **Insentif Kelima: Program Pembangunan Tanaman Makanan** yang mana kebanyakan Insentif yang diberi dalam bentuk insentif amalan teknologi yang meliputi pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur asas dan bahan-bahan input ladang seperti aktiviti berikut:

- i) Pembersihan kawasan
- ii) Pembinaan infrastruktur ladang
- iii) Sistem pengairan dan perparitan
- iv) Kemudahan air dan elektrik
- v) Kemudahan pagar
- vi) Input pertanian
- vii) Kemudahan peralatan dan mekanisasi ladang

Insentif / Peruntukan Pembangunan yang disediakan ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan tetapi juga :

- i. Menggalakkan pengamalan teknologi berasaskan Amalan Pertanian Baik (APB) untuk meningkatkan pengeluaran hasil yang berkualiti, selamat dimakan dan mesra

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

- alam seterusnya ke arah Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Persijilan Organik Malaysia (myOrganic).
- ii. Meningkatkan pendapatan golongan sasaran dengan sasaran pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM2,500 sebulan/peserta untuk projek perladangan berkelompok dan RM4,000 sebulan/usahawan.
 - iii. Meningkatkan pengeluaran pertanian bagi memenuhi keperluan domestik serta meningkatkan eksport.
 - iv. Meningkatkan bilangan usahawan dan penglibatan sector swasta dalam bidang pertanian.
 - v. Membangunkan pertanian lestari dan mesra alam.

Selain daripada Jabatan Pertanian, kerajaan melalui **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia** ada menyediakan beberapa insentif kepada mereka yang mengusahakan tanaman nanas serta industri kecil & sederhana (IKS) berkaitan nanas. Insentif kepada penanam adalah berupa input pertanian dan bahan tanaman mengikut kadaran yang telah ditetapkan dalam program tertentu. Insentif dalam bentuk barangan (in-kind) juga diberikan kepada usahawan yang terlibat dengan IKS nanas seperti peralatan untuk pembuatan produk hiliran jem, jus nanas dan lain-lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 52 (A57)**

Apakah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat di luar bandar mendapat perkhidmatan WIFI dengan lebih baik?

JAWAPAN YB TUAN MAZLAN BIN BUJANG

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan WiFi Komuniti (WK) yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebelum ini adalah inisiatif yang bersifat sementara bertujuan untuk membantu rakyat mendapatkan capaian kepada internet secara kolektif sementara pembangunan infrastruktur komunikasi yang membolehkan internet diakses secara menyeluruh dibina. Perkhidmatan WK disediakan kepada penduduk setempat sehingga pembangunan infrastruktur komunikasi yang menyediakan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang memberi perkhidmatan komunikasi yang lebih stabil, berkualiti dan bersifat jangka masa panjang disediakan.

Susulan dari pandemik COVID-19, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan SKMM telah bekerjasama dengan pihak industri untuk membangunkan sebuah pelan infrastruktur digital yang menyeluruh bagi memenuhi keperluan norma baharu rakyat.

Pelan tindakan Jalinan Digital Negara atau JENDELA telah dibangunkan secara kolektif oleh pemain industri dan pihak Kerajaan melalui sesi Makmal Infrastruktur Digital Negara yang dianjurkan oleh SKMM dari 13 Julai hingga 14 Ogos 2020, bagi mempertingkatkan tahap kesalinghubungan dan kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara.

JENDELA akan memperluas liputan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar melalui inisiatif-inisiatif yang telah dikenalpasti serta mempersiapkan negara ke arah teknologi 5G.

JENDELA akan dilaksanakan secara berfasa di seluruh negara termasuklah di negeri Johor.

Fasa 1 yang bermula sekarang akan:

1. Memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan berpenduduk;
2. Mempertingkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps; dan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

3. Membolehkan sebanyak 7.5 juta premis secara keseluruhannya tersedia dengan akses kepada jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit.

Bermula tahun 2020 sehingga 2022, rakyat negeri Johor juga akan turut mendapat manfaat daripada pelaksanaan JENDELA antaranya adalah penambahan sebanyak 107 menara komunikasi baharu yang telah dirancang dan penaiktarafan 393 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS). Manakala penambahan sebanyak 68 menara baharu dan 1,960 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf secara komersial oleh pemberi perkhidmatan bagi meningkatkan liputan 4G. Bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, sebanyak 413,494 premis di Johor akan disediakan dengan capaian kepada gentian optik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara inisiatif-inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar yang sedang dalam peringkat pelaksanaan di Johor bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar adalah seperti berikut:

- a) Sebanyak 18 menara baharu bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G sedang dalam peringkat pelaksanaan; dan
- b) Terdapat satu (1) alat pemancar komunikasi di menara komunikasi sedia ada sedang dalam peringkat penaiktarafan ke perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G.

Di samping itu, terdapat sebanyak 86 Pusat Internet di Johor yang boleh digunakan untuk pembelajaran atas talian oleh pelajar-pelajar yang tidak memiliki tablet, telefon pintar atau komputer riba dan di kalangan keluarga yang tidak berkemampuan untuk melanggan perkhidmatan jalur lebar di rumah masing-masing.

Pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan bekerjasama dengan Kementerian, agensi-agensi yang berkaitan dan pihak industri supaya aspirasi Kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan komunikasi sebagai kemudahan asas (public utility) bagi memacu negara ke arah ekonomi digital dapat dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 53 (A66)**

Apakah tindakan kepada pemandu lori yang meletakkan lori mereka di kawasan perumahan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan di bawah Undang-Undang Kecil PBT dengan mengenakan kompaun dan notis di atas kesalahan yang menyebabkan atau membenarkan mana-mana kenderaan diletakkan di mana-mana siar kaki, lorong belakang, lorong tepi, kaki lima, bahu jalan atau mana-mana tempat awam. PBT turut menyediakan papan tanda di kawasan tumpuan sebagai pendedahan serta makluman kepada penduduk sekitar dan juga pemandu lori yang berkenaan.

Pemantauan secara berkala juga sentiasa dilaksanakan, bagi mengurangkan perkara ini berulang sekali gus mengelakkan kemalangan kepada orang awam khususnya. Sekiranya terdapat pemandu lori yang masih ingkar, perkara ini akan dilaporkan kepada JPJ atau agensi berkaitan untuk tindakan bersama.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 54 (A112)**

Kejadian kemalangan melibatkan pemandu mabuk sehingga meragut nyawa insan-insan yang tidak berdosa masih terus berlaku, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri hari ini kepada isu ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui PDRM adalah dengan mengadakan Operasi Mabuk yang mencatatkan sebanyak 220 operasi dan jumlah tangkapan 468 orang.

Selain itu, terdapat beberapa langkah penyelesaian iaitu:

Yang pertama bagi penyelesaian jangka pendek,

- Tindakan penguatkuasaan secara berterusan oleh PDRM melalui Operasi Mabuk yang memberi pengkhususan kepada pemandu yang memandu dibawah pengaruh alkohol.
- Penglibatan semua elemen dalam jabatan di dalam PDRM terutama petugas di barisan hadapan seperti petugas MPV (Mobile Patrol Vehicle) dan URB (Unit Rondaan Bermotosikal)

Langkah kedua adalah penyelesaian jangka panjang,

- Memberi cadangan pengubalan undang-undang yang sedia ada di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 kepada hukuman yang lebih berat terhadap pemandu yang memandu dibawah pengaruh alkohol.
- Memberi cadangan pengubalan undang-undang bagi tahap piawaian WHO terhadap pemandu dibawah pengaruh alkohol diturunkan.
- Menjalankan kerjasama dengan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) dengan menyenaraikan semula premis yang menjual minuman keras bagi tujuan pemerhatian dan pemantauan mengikut sektor atau zon.
- Memberi cadangan kepada PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) bagi semua pemilik premis yang menjual minuman keras menyediakan alat pengukur tahap alkohol di dalam badan seorang pemandu sebelum memandu bagi mengelakkan berlakunya kemalangan jalanraya.
- Memberi cadangan meletakkan zon bebas alkohol di dalam sesebuah PBT (Pihak berkuasa Tempatan) bagi memberi kesedaran bahayanya memandu di bawah pengaruh alkohol.
- Memberi cadangan kepada PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) meletakkan papan tanda iklan tentang bahayanya memandu di bawah pengaruh alkohol di lokasi strategi dengan kerjasama syarikat swasta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Langkah ketiga adalah dengan memberi penekanan kepada semua pengguna jalanraya memahami akan undang-undang di bawah Seksyen 68 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang menyatakan tentang peraturan yang wajib dilaksanakan dan dipatuhi oleh semua pengguna jalan raya iaitu Kod Lebuhraya LN 165/59.

Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Menteri Pengangkutan telah membentangkan satu pindaan undang-undang yang berkaitan sek 41-45 APJ mengenai kesalahan dan hukuman terhadap pemandu mabuk di Parlimen. Diantara kandungan yang di cadang di dalam pindaan tersebut ialah menaikkan kadar kompaun sehingga RM150,000.00 (*Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu*) dan tempoh hukuman penjara sehingga 20 tahun. Selain itu penguatkuasaan dalam cadangan pindaan tersebut juga telah diperluaskan dengan memberi kuasa kepada penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 55 (A60)**

Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam jangka panjang bagi menarik minat pelancong berkunjung ke Negeri Johor?

JAWAPAN YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

i) Pelan Pembangunan Pelancongan Negeri Johor

Kerajaan Negeri dalam proses menambah baik pelan pembangunan pelancongan negeri di mana ia merangkumi aspek-aspek yang perlu diperhalusi oleh Kerajaan Negeri melalui Tourism Johor bersama-sama Pejabat-pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pengusaha-pengusaha produk di setiap daerah, penggiat-penggiat industri seperti Malaysia Association of Hotels (MAH), Malaysian Budget Hotel Association (MyBHA), taman-taman tema dan ramai lagi. Ini merupakan antara kaedah yang digunakan untuk mendapatkan input/cadangan serta idea yang holistik; iaitu dari perspektif badan-badan kerajaan serta penggiat industri.

ii) Media Sosial

Selain itu, Tourism Johor juga sedang giat menambah baik '*social media contents*' untuk paparan umum dan pelancong. Antara medium media sosial tersebut adalah *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* serta *Youtube*. Kesemua pengisian ini akan menonjolkan keunikan serta keistimewaan destinasi-destinasi serta produk-produk pelancongan di Johor. Ia juga akan mempunyai beberapa pilihan bahasa selain Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris.

iii) Mengemaskini peta pelancongan setiap daerah

Tourism Johor dengan kerjasama pejabat daerah serta pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pengusaha produk pelancongan sedang mengemaskini peta pelancongan yang menonjolkan tempat-tempat yang perlu dilawati oleh pelancong apabila mereka kunjungi daerah tersebut. Peta tersebut akan dijadikan bukan sahaja dalam bentuk pamflet malah secara digital yang interaktif dan mesra pengguna di media sosial. Peta tersebut akan menyetengahkan produk pelancongan melalui 4 aspek iaitu :

- produk utama (main product)
- produk sokongan (supporting products)
- tempat makan (food & beverages)
- tempat penginapan (accommodation)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 56 (A21)**

Senaraikan jumlah kilang haram yang sedia ada di setiap Daerah. Adakah kerajaan ada perancangan ataupun telah menjalankan proses undang-undang pemutihan bagi menghalalkan kilang-kilang haram ?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Isu kilang yang beroperasi tanpa kebenaran sentiasa diberi perhatian serius oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam menangani masalah ini daripada berleluasa. Bagi makluman, berdasarkan Kajian Semula Rancangan Kawasan Khas (RKK) Perindustrian bagi mengenal pasti mekanisme yang bersesuaian untuk menangani isu kilang haram yang dilaksanakan oleh pihak PBT .

Tindakan yang dilaksanakan adalah dengan membuat pemantauan, mengeluarkan notis lawatan, memanggil pengusaha untuk siri perbincangan, mengeluarkan notis sabit kesalahan dan tindakan penguatkuasaan sekiranya tidak mematuhi kehendak-kehendak PBT.

Pendekatan yang dibuat selaras dengan semua peraturan dan undang-undang yang diperuntukkan di bawa Akta Jalan, Parit, Dan Bangunan (Akta 133) dibawa seksyen 70 (Notis mengenai bangunan baharu), seksyen 70(1), seksyen 70(11), seksyen 70(12), seksyen 10(13)(b).

Manakala, mana-mana pembangunan kilang yang terlibat dalam pertukaran milik tanah, tindakan pemutihan telah dijalankan dengan meminta pengusaha memohon pelan permit bangunan sementara selama setahun bagi memberi ruang dalam menyelesaikan isu pertukaran tanah ini. Selepas tempoh yang diberikan pengusaha wajib membuat permohonan pelan bangunan dan mendapatkan sijil perakuan siap dan pematuhan (CCC) bagi bangunan-bangunan yang didirikan di kawasan PBT.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 57 (A163)**

Bilakah penggabungan kaunter Imigresen, Road Charge dan Tol Plus di laluan kereta inbound CIQ BSI akan dilaksanakan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Merujuk kepada perbincangan bersama Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu mengemukakan semula cadangan rekabentuk susunatur dan anggaran harga awalan bagi penggabungan kaunter. Ia adalah kerana keputusan yg telah di persetujui sebelum ini dalam Mesyuarat Team Work Group (TWG) ianya tidak sesuai dilaksanakan di tapak.

Untuk makluman tambahan Ahli Yang Berhormat, anggaran kos awalan bagi kerja-kerja penggabungan kaunter tersebut adalah dalam RM1.9 Juta bagi kerja-kerja struktur dan ia tidak termasuk kos kerja untuk pihak JPJ dan Plus (pengalihan server dan display panel). Pihak JPJ dan Plus sedang membuat anggaran harga baru untuk kerja-kerja tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 58 (A130)**

Minta jelaskan usaha atau pendekatan Kerajaan Negeri untuk menjayakan Inisiatif Bank Makanan Johor menerusi agenda 7 Ikhtiar Makmur Johor.

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 59 (A192)**

Apakah inisiatif-inisiatif terkini di bawah Ikhtiar Makmur Johor "Food Security" yang telah dijalankan ?

**JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI
(Jawapan bersekali untuk soalan A130 & A192)**

Yang Berhormat Speaker, **SOALAN A130 dan SOALAN A192** dijawab secara bersekali.

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat memberi cabaran bukan sahaja kepada rakyat di negeri dan negara ini, malah rakyat di negara luar. Ini adalah kerana, kita menghadapi cabaran yang hebat, iaitu pandemic COVID-19. Kita akan hanya dapat mendepani dampak COVID-19 jika kita punyai daya tahan ekonomi dan daya tahan governans yang kuat. Dunia pasca COVID-19 memerlukan tujahan baharu. Masalah yang timbul juga memerlukan penyelesaian baharu. Maka langkah yang berani serta luar dari kebiasaan harus diambil. Menerusi Amanat YAB Menteri Besar Johor pada 14 Jun 2020, YAB Menteri Besar Johor telah mengumumkan tujuh ikhtiar besar, iaitu 'Tujuh Ikhtiar Makmur Johor'. Ikhtiar ini adalah sebagai *exit plan* Kerajaan Negeri daripada belunggu COVID-19.

Justeru itu, dengan merujuk kepada satu daripada 'Tujuh Ikhtiar Makmur Johor' iaitu Inisiatif Bank Makanan Johor atau keselamatan makanan (*food security*), terdapat empat tiang utama keselamatan makanan iaitu sedia ada (*availability*), kebolehcapaian (*access*), kepenggunaan (*utilization*) dan kestabilan (*stability*).

Kerajaan negeri berpandangan Johor perlu meningkatkan keupayaannya untuk menyediakan keperluan makanan bagi kegunaan sendiri, harus mula rancak mengeksport produk-produk makanan ke negara luar, selain dari perlu mencari strategi meningkatkan hasil dari segi pengeksportan hasil pertanian ke Singapura melalui pintu masuk di Johor. Inisiatif ini juga bakal memberi tumpuan serius kepada pembangunan sektor pertanian yang lebih moden dan terkini kerana bidang bioteknologi bukanlah perkara baharu dan ia merupakan satu bidang yang besar.

Di peringkat Kerajaan Persekutuan pula, telah mula memperkenalkan inisiatif-inisiatif dalam membantu sekuriti makanan negara. Inisiatif yang diperkenalkan YAB Tan Sri

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia menerusi Inisiatif PRIHATIN telah memperuntukkan dana yang agak besar iaitu sebanyak RM600 juta, di mana ia merupakan dana Jaminan Makanan bagi memastikan bekalan makanan terjamin dan mencukupi. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM240 juta telah disalurkan kepada kementerian. Dan daripada nilai RM1 bilion, RM400 juta telah diklasifikasikan ke dalam PENJANA.

Sehubungan itu, dengan inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan Persekutuan ini, kerajaan negeri menerusi jabatan-jabatan pelaksana sedang giat dalam mengenalpasti program-program pelan jangka masa sederhana dan panjang negeri Johor bagi membantu menyokong inisiatif sekuriti makanan negeri Johor.

Bersesuaian dengan Ikhtiar Makmur Johor (Ikhtiar 6: Inisiatif Bank Makanan Johor) dan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030, Kerajaan Negeri Johor turut berhasrat untuk mencadangkan sebuah jawatankuasa ditubuhkan bagi memandu perjalanan dan agenda Sekuriti Makanan Negeri Johor, yang akan disebut sebagai Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri Johor (JSMNJ).

Rasional cadangan penubuhan jawatankuasa ini adalah sebagai platform menyelaraskan strategi dan rancangan tindakan dalam menangani masalah keselamatan makanan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang serta merangka, melaksana dan memantau langkah-langkah intervensi yang sesuai serta mencadangkan halatuju baru sektor pertanian dan industri makanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa secara menyeluruh dan holistik. Penubuhan Jawatankuasa ini juga adalah selaras dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Keselamatan Makanan Negara di peringkat Kerajaan Persekutuan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 60 (A53)**

Mohon pihak berwajib nyatakan sama ada papan tanda 'Kampung Wifi' yang banyak dipasang di kawasan kampung-kampung tradisi dan FELDA masih boleh berfungsi atau tidak? Adakah perancangan untuk menaik taraf capaian internet di kawasan luar bandar agar menjadi lebih baik?

JAWAPAN YB TUAN MAZALN BIN BUJANG

Untuk makluman yang DiPertua serta Ahli Yang Berhormat, Kg. Wifi merupakan sebahagian daripada program peluasan liputan Internet (jalur lebar) luar bandar oleh Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dibawah dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS). Program pembangunan wifi ini merupakan program jangka pendek bagi memberi pendedahan awal perkhidmatan jalur lebar kepada penduduk di kawasan luar bandar yang tiada liputan jalur lebar mudah alih 3G, 4G dan juga capaian jalur lebar talian tetap seperti Unifi dan Streamyx.

Program Kampung Wifi ini telah lama dihentikan dan kebanyakannya telah pun tamat kontrak perkhidmatan dan semua peralatan termasuk papan tanda dan tiang yang menempatkan antena wifi telah pun dibuka. Hanya segelintir Kg. Wifi sahaja yang masih dalam kontrak dan berfungsi di mana ia juga akan dibuka setelah perkhidmatannya tamat dalam masa terdekat.

Buat masa ini, kerajaan Malaysia melalui MCMC lebih fokus kepada peluasan liputan 4G dan rangkaian gentian optik dalam usahanya untuk meningkatkan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi terutamanya di kawasan luar bandar. Banyak program pembangunan infrastruktur telekomunikasi luar bandar telah dijalankan oleh pihak MCMC di negeri Johor di bawah dana PPS. Diantaranya membina 155 buah menara dan menaik taraf 506 buah menara telekomunikasi kepada perkhidmatan 3G dan 4G, menyediakan 147,707 sambungan jalur lebar talian tetap, menaik taraf talian copper 76,655 pelanggan Streamyx kepada jalur lebar berkelajuan tinggi gentian optik. Kini liputan 3G dan 4G di Negeri Johor, masing-masing telah mencapai angka 98.9% dan 94.2%.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)
SOALAN 61 (A31)**

Adakah perancangan Pelan Strategik Agama Islam untuk 2020-2030 telah dibuat dan setakat mana pelaksanaannya?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara-perkara Am di mesyuaratnya **BIL:5/5/2019** pada **25/08/2019** telah **menimbang** dan **meluluskan KERTAS KERJA TAMBAHAN: PELAN STRATEGIK PENTADBIRAN HAL EHWAL ISLAM NEGERI JOHOR 2020-2025**.
- b) Jawatankuasa teknikal telah diwujudkan bagi menyelaraskan pelaksanaan pelan strategik ini dan JAINJ merancang untuk mengadakan bengkel dalam masa terdekat ini untuk merangka dan menyelaraskan gerak kerja bagi menjayakan Pelan Strategik ini.
- c) Visi dan Misi Pelan Strategik Pentadbiran Hal Ehwat Agama Islam Negeri Johor ini adalah memandu hala tuju Agama Islam Negeri Johor di dalam mewujudkan Masyarakat Islam Rabbani Johor yang perkasa menjelang 2025 dengan berpegang kepada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Al-Syairah dan Al-Maturidiyah serta pegangan Feqah Mazhab Imam Syafie.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)
SOALAN 62 (A36)**

Berapa banyak rumah baru untuk asnaf yang telah dibina MAIJ pada tahun 2019 dan pecahan setiap daerah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Di sepanjang tahun 2019, MAINJ telah meluluskan 14 permohonan bantuan bina baru rumah. Pecahan statistik penerima mengikut daerah adalah sebagaimana berikut :

Bil	Daerah	Jumlah Lulus
1	Johor Bahru	2
2	Muar	3
3	Batu Pahat	5
4	Segamat	1
5	Kluang	0
6	Pontian	2
7	Kota Tinggi	1
8	Mersing	0
9	Kulai	0
10	Tangkak	0
	JUMLAH	14

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 63 (A191)**

Apakah bentuk-bentuk bantuan one-off yang telah diberikan kepada pesakit COVID-19?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Majlis Agama Islam Negeri Johor telah memutuskan bagi menyalurkan bantuan kepada individu yang ditimpa musibah COVID-19 di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia sebagaimana berikut :

1. **Bantuan tunai berjumlah RM1,000.00** kepada individu yang disahkan positif COVID-19.
2. **Bantuan tunai sebanyak RM1,000.00** seorang kepada keluarga atau waris pesakit COVID-19 yang meninggal dunia.

Sehingga 31 Ogos 2020, jumlah bantuan yang telah disalurkan ialah sebanyak RM 684,000.00. Bayaran bantuan ini dibuat dengan penyelarasan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan) di mana MAINJ menyalurkan dana ini terus kepada Pejabat TSUK Pengurusan.

Jumlah ini juga akan terus diberikan sekiranya wujud kes-kes jangkitan yang baharu di negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)
SOALAN 64 (A115)**

Apakah tindakan segera pihak kerajaan negeri hari ini bagi mengatasi masalah banjir yang sering melanda beberapa kawasan seperti Tg Agas, Kesang, Parit Bunga di daerah Tangkak dan beberapa kawasan di daerah Muar khususnya Hospital Muar?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman, kadar hujan lebat (hujan luar biasa) dan serentak dengan air pasang besar telah menyebabkan berlaku banjir kilat di kawasan tersebut. Bagi mengatasi masalah tersebut,

Pihak PBT telah mengambil tindakan melaksanakan kerja-kerja pembersihan longkang-longkang sedia ada dan akan menaik taraf longkang yang lama. PBT juga telah bertindak membersihkan sungai berhampiran dengan bantuan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 65 (A148)**

Berapakah jumlah rumah mampu milik dan rumah PPR yang telah dapat dibina di dalam pecahan mengikut daerah dalam negeri Johor pada tahun 2019-2020?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Jumlah rumah mampu milik yang telah siap dibina pada tahun 2019 adalah sebanyak 3,434 unit manakala sasaran unit rumah yang siap pada tahun 2020 adalah berjumlah 5,157 unit.

Selain daripada Rumah Mampu Biaya Johor, projek di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap pada tahun 2019 berjumlah 967 unit bagi PPR Taman Perling (525 unit) dan PPR Pelangi Indah (442 unit) serta 1,850 unit dijangka siap pada tahun 2020.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 66 (A183)**

Berapakah jumlah kutipan cukai taksiran dari kategori tanah pertanian yang dikutip dan dibelanjakan dengan menyatakan jenis perkhidmatan yang disediakan oleh PBT bagi tahun 2017, 2018, 2019 dan anggaran kutipan 2020.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman YB, hasil yang diterima di setiap PBT Negeri Johor adalah merangkumi hasil yang disatukan daripada pelbagai kategori hasil iaitu (hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil). Berikut adalah jumlah kutipan cukai taksiran dari kategori tanah pertanian yang dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor bagi tahun 2017, 2018, 2019 dan anggaran kutipan 2020 adalah sebagaimana lampiran berikut :

Majlis tidak membezakan jenis perkhidmatan mengikut kategori pegangan (hakmilik). Perbelanjaan untuk perkhidmatan adalah seperti penyediaan kemudahan awam, perparitan, lampu jalan, jalan raya dan kerja-kerja kebersihan dan pengurusan perbandaran. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan keselesaan, kebolegunaan dan kelancaran sistem infrastruktur asas kepada masyarakat dan rakyat.

**KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PBT NEGERI JOHOR
KATEGORI TANAH PERTANIAN**

BIL.	PBT	TAHUN			
		2017	2018	2019	ANGGARAN 2020
1.	MBJB	2,783,083.65	3,017,782.02	2,944,173.34	3,296,540.90
2.	MBIP	9,705,054.75	12,139,126.25	13,082,021.58	12,245,754.68
3.	MPPG	1,663,965.07	1,260,775.80	1,129,553.80	1,200,000.00
4.	MPKu	1,327,133.10	1,975,662.95	2,272,113.60	2,500,000.00
5.	MPBP	277,192.52	281,342.11	312,564.75	299,377.13
6.	MPM	2,022,212.80	2,527,766.71	2,729,987.20	3,030,285.70
7.	MPK	99,172.00	180,695.00	804,786.00	611,757.00
8.	MPS	197,945.95	178,519.35	218,825.90	96,371.60
9.	MPP	221,504.00	759,465.00	690,226.00	
10.	MDP	Data tidak dapat dibekalkan disebabkan proses migrasi data oleh pihak MSC Cyberport.			41,476.50

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

11.	MDKT	196,078.00	267,567.00	284,341.00	317,541.00
12.	MDT	551,778.73	546,542.21	528,651.53	480,207.29
13.	MDYP	148,233.11	109,999.60	137,802.39	102,734.00
14.	MDSR	13,214.45	12,882.40	16,118.00	14,970.10
15.	MDM	24,907.02	14,814.37	4,936.57	9,511.43
16.	MDL	11,837.00	272,707.00	61,635.00	61,175.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 67 (A45)**

Senaraikan mengikut Dun di seluruh Negeri Johor pemohon Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang telah diluluskan namun pembinaan masih belum dilakukan.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman, pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang dilaksanakan di bawah Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) ini tidak lagi menerima permohonan baharu sejak penghujung 2018, kerana program ini mempunyai implikasi kurang baik apabila majoriti daripada pemohon gagal mendapatkan pinjaman pembiayaan ke atas baki kos pembinaan rumah tersebut.

Berdasarkan rekod, setakat 1 Januari 2018, KPRJ telah menerima sebanyak 634 permohonan dari semua daerah membabitkan Johor Bahru (69), Kulai (30), Kota Tinggi (70), Pontian (64), Kluang 35, Batu Pahat (111), Muar (115), Tangkak (35), Segamat (46) dan Mersing (59).

Hasil daripada permohonan ini, sebanyak 233 pemohon telah diluluskan melibatkan pemohon daripada daerah Johor Bahru (36), Kulai (18), Kota Tinggi (23), Pontian (36), Kluang (19), Batu Pahat (39), Muar (28), Tangkak (6), Segamat (13), dan Mersing (15). Namun, daripada kesemua jumlah permohonan ini, hanya 15 pemohon sahaja yang berjaya mendapatkan pinjaman/pembayaran melalui pembiayaan secara peribadi dan tunai, selebihnya gagal disebabkan oleh peserta tiada pendapatan tetap dan kadar faedah tinggi yang dikenakan terhadap pinjaman bank.

Justeru, program ini tidak lagi diteruskan atas sebab-sebab tertentu. Bagaimanapun, kaedah usaha membantu rakyat Johor yang kurang berkemampuan mendapatkan kediaman selesa tetap akan dijalankan menerusi pelbagai lagi skim lain seperti kaedah pembelian rumah secara sewa beli dan Program Rumah Mampu Biaya yang sedang diperluas daripada masa ke semasa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 68 (A155)**

Difahamkan balai bomba di kawasan Bukit Bakri bakal dibina, apakah status terkini dalam pembinaan ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Berhubung perkara ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor memaklumkan pihak mereka hanya boleh memohon peruntukan ke Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bagi pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Bakri apabila proses pemilikan tanah kerajaan persekutuan selesai sepenuhnya. Jabatan juga telah membuat permohonan melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Johor Bharu, Johor pada 4 September 2018 dan status terkini pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri bagi tujuan pembinaan Balai Bomba di Lot 16399, Mukim Jalan Bakri, Muar adalah masih menunggu kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Johor.

Tanah untuk pembinaan Balai Bomba berkenaan adalah di no lot 15063 Mukim, Jalan Bakri Daerah Muar Keluasan yang mana berkeluasan 1,534 meter persegi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 69 (A46)**

Apakah jalan penyelesaian berkenaan masalah banjir kilat yang sering berlaku di Taman Desa, Taman Kota dan Taman Damai Jaya dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Pihak Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) telah mengarahkan pihak pemaju untuk membaik pulih sistem perparitan yang dibina di Taman Desa bagi mengatasi masalah banjir kilat.

Bagi Taman Damai Jaya, pihak MDYP telah mengenal pasti punca banjir akibat limpahan dari kolam tadahan di Taman Damai Jaya yang diselenggara oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 70 (A144)**

Sila jelaskan status kemajuan pelupusan sampah di Bukit Payung Batu Pahat.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Payong ini akan menjadi tapak pelupusan sanitari kedua selepas Seelong Sanitary Landfill. Ia akan dibina dalam 2 fasa dan tujuannya ialah untuk menampung sisa pepejal perbandaran (MSW) yang dikumpul dari kawasan tadahan sampah di Batu Pahat dan bahagian-bahagian tertentu di Yong Peng, Simpang Renggam, dan Kluang. Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Payong akan menjadi sebahagian daripada Sistem Pengurusan Sisa Bersepadu (IWMS) bagi daerah-daerah di kawasan Johor.

Projek Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Payung telah mendapat persetujuan kerajaan Negeri Johor secara bertulis pada 25 April 2019 dan akan dijadikan satu tapak pelupusan sisa pepejal sanitari bersepadu yang dilengkapi dengan sistem rawatan sisa pepejal yang berkonsepkan Waste to Energy (WTE). Proses tender secara request for proposal (RFP) bagi pembinaan loji WTE telah dibuka pada 27 Julai 2020 melalui pihak KPKT.

Kerja tanah di tapak masih dijalankan mengikut jadual dengan tempoh lanjutan masa telah diluluskan KPKT sehingga November 2020 dan lanjutan masa seterusnya tertakluk kepada kelulusan KPKT setelah permohonan daripada kontraktor diterima.

Sehingga Julai 2020, status kemajuan projek pembinaan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Bukit Payung peratusan kerja fizikal di tapak adalah sebanyak 55.52% melibatkan kerja-kerja tanah cell 1 dan kerja-kerja pembinaan jalan masuk yang telah mencapai 81%

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 71 (A48)**

Adakah terdapat pusat judi haram dan rumah urut di Yong Peng, jika sekiranya ada apakah tindakan yang akan diambil?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Untuk makluman, tiada pusat judi haram yang beroperasi di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng.

Manakala sebanyak 5 buah rumah urut tidak lagi beroperasi dan dibatalkan lesen oleh Majlis Daerah Yong Peng.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 72 (A73)**

Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk mengalihkan tiang-tiang telefon dan letrik yang merbahaya akibat dari pembesaran jalan kampung.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senggarang,

Dalam menilai dan membuat kos anggaran awal, amatlah penting bagi pemula untuk memasukan kos-kos pengalihan infrastruktur utiliti supaya, kerja-kerja pelebaran jalan dapat dilaksanakan dengan lancar dan tidak timbul isu ketidak sempurnaan setelah projek selesai.

Berdasar polisi sediaada, pada masa ini TNB akan mengalihkan tiang-tiang elektrik dengan kos apabila terdapat pemohonan oleh pihak pemula. TNB akan menimbangkan untuk melaksanakan pengalihan terlebih dahulu dikawasan yang sangat merbahaya dan menuntut kos pengalihan daripada pemula.

Oleh yang demikian, Pejabat Daerah Batu Pahat telah mengambil maklum ke atas perkara tersebut. Pentadbiran ini akan berhubung dan bekerjasama dengan pihak syarikat-syarikat utiliti sekiranya terdapat projek pelebaran jalan, dimana kos pengalihan tiang utiliti adalah di bawah tanggungan pihak syarikat utiliti.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 73 (A76)**

Bilakah kerajaan membina semula jambatan sempit pekan Senggarang dan jambatan Parit Hylam di Jalan Pontian FT005 yang merbahaya dan telah menyebabkan banyak kemalangan maut.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Sehingga kini Pihak Kerajaan masih belum ada perancangan untuk menaiktaraf jambatan Parit Hylam di Jalan Pontian FT005. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui JKR Negeri Johor akan membuat kajian lanjut berkaitan sebelum projek tersebut dapat dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 74 (A78)**

Sila nyatakan kedudukan terkini bagi projek menaik taraf Jalan Tangkak ke Segamat untuk bahagian Kampung Kebun Bahru ke Bandar Tangkak.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Jalan yang dimaksudkan merupakan sebahagian dari projek di dalam cadangan menaik taraf Jalan Muar - Tangkak - Segamat (FT023). Ianya berada di bawah Fasa 1: Menaik taraf Jalan Segamat - Tangkak (Pakej 4).

Projek menaik taraf jalan 2 lorong 2 hala ini ialah sepanjang 10.6km bermula dari Simpang Pintu A Taman Negara Gunung Ledang (Seksyen 32.2) hingga ke Bandar Baru Tangkak (Seksyen 40.8) dan telah dipohon di dalam RMK12 dengan anggaran kos RM202 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 75 (A92)**

Projek pelebaran jambatan, jalan dan Persimpangan Srinivasan, Kluang yang dijadual menutup jalan selama 12 hari (3-15 Ogos) telah menjadi hampir setengah tahun, apakah sebab?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Projek pelebaran jambatan, jalan dan Persimpangan Srinivasan, Kluang mengambil sedikit masa atas faktor-faktor tersebut:

1. Penanaman struktur cerucuk konkrit (pilling) berdekatan dengan jambatan sedia ada. Kerja-kerja ini amat merbahaya bagi keselamatan pengguna jalan raya.
2. Penanaman struktur cerucuk ini mengambil masa dari segi reka bentuk, kekuatan beban dan ketahanan.
3. Ruang kerja yang amat sempit kerana memerlukan ruang bagi meletakkan jentera yang besar.
4. Penutupan ini juga kerana terdapat pemasangan dan penyambungan struktur jambatan di kiri dan kanan sebagaimana di tapak pembinaan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 76 (A93)**

Berapakah jumlah dan pecahan kos untuk projek pelebaran jambatan, jalan dan Persimpangan Srinivasan, Kluang termasuk pembayaran kepada C&S Engineer ST Foo.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Berikut adalah jumlah dan pecahan kos bagi projek pelebaran jambatan, jalan dan Persimpangan Srinivasan, Kluang ialah:

Pemaju	RM 500,000.00
MPK	RM 2,111,686.00
Consultant C&S	RM 120,000.00 (di bayar oleh pihak MPK)
JUMLAH	RM 2,731,686.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 77 (A40)**

Apakah insentif atau galakan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada peniaga perkhidmatan untuk memastikan penambahbaikan SOP pencegahan COVID-19?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil langkah untuk mengeluarkan permit atau kebenaran kepada penghantar makanan 'food delivery' sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi tujuan rekod.

Di samping itu juga, terdapat PBT yang mengambil langkah pendekatan melalui medium media sosial dan paparan LED skrin serta notis makluman dari masa ke semasa tentang Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan Covid-19 selaras dengan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Bagi pengoperasian perniagaan pasar pagi / malam di bawah anjuran PBT turut disediakan khidmat penjagaan/saringan di setiap pintu masuk dan keluar ke atas peniaga dan pengunjung. Langkah ini memastikan kawalan SOP yang di keluarkan adalah mematuhi serta dapat mengurangkan risiko jangkitan wabak Covid-19 di kawasan tumpuan orang awam.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 78 (A43)**

Senaraikan semua projek Majlis Daerah Yong Peng yang telah siap, sedang dijalankan dan yang bakal dilaksanakan bermula Januari 2018 sehingga Disember 2020.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Projek yang telah siap, sedang dijalankan dan yang bakal dilaksanakan bermula Januari 2018 sehingga Disember 2020 adalah melibatkan 55 projek yang mana membabitkan peruntukan di bawah Rancangan Johor 5 Tahun (RJ5T), MARRIS dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN).

Jumlah peruntukan bagi kesemua projek itu adalah bernilai sebanyak RM 700,000 bagi dua projek di bawah RJ5T, RM8.265 juta bagi projek MARRIS dan RM 1.1 Juta di bawah BPEN.

Projek-projek yang dilaksanakan ini juga adalah melibatkan kerja-kerja menaik taraf gerai, dewan serba guna, membaik pulih jalan raya, perparitan dan pemasangan lampu jalan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 79 (A152)**

Adakah kaedah skim pemotongan rumput yang merupakan tradisi JPS (Jabatan Pengairan & Saliran) melalui JKKK dahulu diteruskan?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Semenjak pertukaran kerajaan pada tahun 2018 dan pertukaran dari JKKK kepada MPKK berlaku, JPS tidak lagi melakukan kerja pemotongan rumput kepada JKKK.

Disebabkan perubahan dari JKKK kepada MPKK, JPS telah mengemukakan permohonan kepada YB Pegawai Kewangan Negeri bagi mendapat kelulusan MPKK melaksanakan kerja pemotongan rumput.

YB Pegawai Kewangan Negeri seterusnya telah membentangkan perkara tersebut kepada pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Johor dan MMK pada mesyuarat bertarikh 12 Feb. 2020 mengambil keputusan bersetuju dengan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan saluran (parit) dilaksana oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi tempoh sehingga 31 Disember 2020.

Pelaksanaan mestilah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan bagi Perolehan Kerajaan (PK 2.1) Perkara 13 iaitu kaedah **pelaksanaan projek-projek Kecil secara gotong royong**.

Oleh kerana berlakunya wabak Covid-19 yang meminta supaya sentuhan antara pihak-pihak yang terlibat hendaklah dielakkan atau dihadkan, pelaksanaan kerja berkonsepkan gotong-royong ini belum lagi dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)
SOALAN 80 (A141)**

Kemalangan jalan raya sering berlaku di Jalan Sawah berhampiran Kampung Sri Gunung Pulai akibat lembu berkeliaran. Sejak akhir-akhir ini melibatkan kes kemalangan maut sebelum Hari Raya Aidilfitri. Apakah tindakan kerajaan untuk mencegah keadaan ini daripada berlaku?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Kes kemalangan maut akibat lembu berkeliaran tidak hanya melibatkan Kampung Sri Gunung Pulai tetapi juga berlaku di beberapa daerah di Johor.

Bagi penangkapan lembu-lembu berkeliaran terletak dalam tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Daerah di mana mereka mempunyai peruntukan Undang-undang kecil **AKTA 171 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976** iaitu **Seksyen 80,81,82 dan 84** melibatkan **Kacauganggu**.

Manakala, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar hanya boleh membantu segi teknikal sahaja seperti penyediaan penembak dan ubat bius serta pendaftaran penternak. Pihak JPV sedia bekerjasama dengan PBT bagi menangani masalah kacau ganggu ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 81 (A10)**

Adakah Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Khas Dewan Undangan Negeri (JPKD) yang dilantik akan diberikan peruntukan JPKD bagi setiap kawasan DUN Pembangkang?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bentayan**, setiap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Khas Dewan Undangan Negeri (JPKD) yang dilantik akan menerima peruntukan sejumlah RM100,000.00 setahun.

Peruntukan ini sama banyak seperti peruntukan yang diberikan kepada Pengerusi JPKD pada zaman Pakatan Harapan.

Peruntukan ini terbahagi kepada tiga (3) skop sebagaimana yang dibutirkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ringkasan Mesyuarat Bil. Perkara-Perkara Lain bertarikh 6/11/2019.

Peruntukan ini disediakan bagi memudahkan individu yang dilantik sebagai Pengerusi JPKD di Kawasan DUN Pembangkang untuk menjalankan aktiviti mesra rakyat, bantuan kebajikan dan kecemasan untuk masyarakat setempat di kawasan Dewan Undangan Negeri masing-masing sebagaimana Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri.

Skop dan kadar peruntukan yang telah dipersetujukan adalah berjumlah sebanyak RM100,000, di mana agihan dilakukan kepada tiga skop, iaitu pentadbiran RM50,000, aktiviti RM20,000 dan pemberian terus sebanyak RM30,000.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 82 (A13)**

Sila nyatakan sama ada ADUN kerajaan PN ada menerima peruntukan tambahan daripada pihak kerajaan negeri atau persekutuan berbanding dengan ADUN kerajaan PH? Jika ya, berapa tambahan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bukit Batu**, setakat hari ini, tiada sebarang peruntukan tambahan daripada pihak kerajaan negeri kepada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perikatan Nasional (PN).

Bagi Peruntukan Persekutuan,

YAB Perdana Menteri yang menerajui Kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab, pada **24 Mac 2020** telah meluluskan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri Untuk Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi 29 kawasan DUN Kerajaan di negeri Johor. Peruntukan ini dimanfaatkan untuk kegunaan kebajikan dan bencana semasa COVID-19.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) melalui jenteranya di peringkat negeri iaitu Pejabat Pembangunan Negeri Johor (SDO Johor), telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir urus Peruntukan Khas ini sebanyak RM300,000 bagi setiap DUN yang keseluruhannya berjumlah **RM8.7 juta**;

Peruntukan Khas ini disediakan bagi tujuan berikut:

- (a) Menambah dan melengkapkan lagi pelaksanaan program dan projek Rancangan Pembangunan Lima Tahun (RMLT);
- (b) Meningkatkan lagi imej Kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui penyaluran dan pelaksanaan projek bagi memenuhi keperluan rakyat yang tersisih dari pembangunan dan memerlukan bantuan segera;
- (c) Melibatkan rakyat dalam proses rancangan dan pelaksanaan projek-projek;
- (d) Menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap masalah rakyat; dan
- (e) Merapatkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat.

Peruntukan ini merupakan pelengkap kepada beberapa pakej inisiatif Kerajaan termasuk Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang diumumkan pada **27 Februari 2020, 27 Mac 2020** dan **7 April 2020** berjumlah **RM260 bilion**.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Pengurusan peruntukan ini ditadbir menurut Garis Panduan Pengurusan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan DUN berdasarkan tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa yang melibatkan urusan perolehan, pembayaran dan perakaunan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM); sedia untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN); dan disemak silang oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)
SOALAN 83 (A15)**

Apakah punca isu 'air berbau pandan' yang terjadi pada akhir bulan Julai dan sehingga hari ini adakah kerajaan telah berjaya mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab ke atas insiden ini?

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 84 (A182)**

Apakah penemuan dan keputusan analisis sampel-sampel air terawat berbau pandan di sekitar daerah Johor Bahru dan Kulai yang dipercayai dibekalkan oleh rangkaian Loji Rawatan Air Semanggar?

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 85 (A184)**

Apakah punca pencemaran dan tindakan yang telah diambil ke atas insiden air terawat berbau pandan di sekitar daerah Johor Bahru dan Kulai dalam tempoh 20 hingga 30 Julai yang dipercayai dibekalkan oleh rangkaian LRA Semanggar?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A15, A182 & A184)**

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Bukit Batu** dan **Skudai** berkaitan isu air 'berbau pandan'.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, Insiden air terawat 'berbau pandan' telah dikenal pasti mula dikesan pada air terawat di sekitar kawasan pembekalan air Mutiara Rini, Nusa Bestari, Horizon Hill, Setia Indah, Selesa Jaya, Johor Jaya, Kulai IOI, JP Perdana, Skudai Baru dan Desa Skudai.

Susulan daripada itu, pihak Ranhill SAJ telah bekerjasama dengan pihak BAKAJ bagi mengenal pasti punca insiden tersebut dan juga menjalankan siasatan terperinci dalam sistem bekalan air terawat.

Bagi mengawal keadaan berkenaan, pihak Ranhill SAJ ada mengeluarkan kenyataan rasmi sebagai usaha memastikan pengguna tidak panik dan mempunyai kesedaran bahawa mereka tidak perlu bimbang akan air 'berbau pandan' kerana air yang dibekalkan itu adalah air terawat yang selamat dan mematuhi piawaian ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) walaupun terdapat sedikit berbau pandan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (BAKAJ) bersama Ranhill SAJ juga telah mengadakan siasatan susulan daripada aduan orang awam yang diterima pada 21 Julai 2020.

Siasatan awal telah dijalankan pada 22 dan 23 Julai 2020 di hulu Sungai Johor yang merangkumi Bandar Tenggara serta di sekitar Sungai Semanggar bagi mengenal pasti punca aduan air terawat berbau pandan.

Hasil siasatan tidak menemui sebarang aktiviti atau pelepasan efluen dari kawasan perindustrian di hulu Sungai Johor dan Sungai Semanggar yang disyaki menyebabkan air berbau pandan. Ujian sampel air mentah di tapak menunjukkan kualiti air mentah Sungai Johor dan Sungai Semanggar adalah berada pada paras normal di mana tidak berlaku kemerosotan kualiti air mentah.

Berikut adalah keputusan siasatan yang dijalankan pada 22 Julai dan 23 Julai 2020:

Parameter	Unit	Keputusan Analisis		<i>Recommended Raw Water Quality Criteria</i>
		Rantau Panjang – Point 1	Rantau Panjang – Point 2	
pH	-	5.91	6.71	5.5-9.0
Ammonia	mg/L	0.46	0.52	1.5
Ferum	mg/L	2.34	1.85	1
Mangan	mg/L	0.46	0.43	0.2
Oksigen terlarut	mg/L	6.42	3.38	-

Keputusan analisis kualiti air menunjukkan bahawa tahap kualiti air mentah di kedua-dua lokasi berada di paras yang normal.

Pada 23 Julai 2020 siasatan turut dijalankan di sekitar Kawasan Perindustrian Bandar Tenggara. Satu sampel air mentah telah diambil dari takat pelepasan efluen di Kilang Hokuden (Malaysia) Sdn. Bhd.

Berikut adalah keputusan analisis bagi sampel efluen industri bagi kilang Hokuden (Malaysia) Sdn. Bhd. :

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Parameter	Unit	Keputusan Analisis	<i>Had bagi Efluen Perindustrian (Standard A)</i>
pH	-	6.61	6.0 - 9.0
Ammonia	mg/L	0.46	10
Ferum	mg/L	ND	1.0
Mangan	mg/L	0.106	0.20
COD	mg/L	75	80

Keputusan analisis sampel dibandingkan dengan had pelepasan yang ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Siasatan lanjut tetap diteruskan pada 12 dan 13 Ogos 2020 dan beberapa sampel air mentah dari sungai dan efluen perindustrian di kawasan Perindustrian Bandar Tenggara, premis perindustrian di hulu Sungai Sibol dan Sungai Semangar bagi mengenal pasti kemungkinan hadirnya sebarang unsur kimia yang berkaitan dengan bau pandan.

Sampel - sampel tersebut telah dihantar ke makmal berakreditasi bagi ujian *Volatile Organic Compounds* (VOCs).

Berdasarkan siasatan dan hasil ujian makmal, didapati sumber bau air pandan adalah di *point* Sungai Semangar. Berdasarkan hasil ujian makmal juga, didapati punca bau pandan adalah disebabkan efluen dari aktiviti yang dijalankan di Tay Lean Hoe Metal Sdn. Bhd. (Premis kitar semula).

Pihak BAKAJ telah memaklumkan kepada pihak Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) untuk tindakan lanjut memandangkan premis ini berada di bawah pentadbiran MPKu.

Pentadbiran ini juga telah memaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar Johor mengenai perkara ini. Ujian makmal juga telah dilakukan oleh pihak Ranhill SAJ Sdn. Bhd. (RSAJ) dan Public Utilities Board (PUB) berdasarkan sampel air.

Keputusan analisis bagi siasatan tapak dan pensampelan pada 12 dan 13 Ogos 2020 adalah seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Parameter	Unit	Efluen dari Tay Lean Hoe Metal (AAT-P1)	<i>Had pelepasan efluen perindustrian (standard A)</i>	Sungai Semangar (SS-P2)	Sungai Semangar (SS-P5)	<i>Recommended Raw Water Quality Criteria (RRWQC)</i>
		Premis kitar semula barangan besi dan plastik		Downstream Tay Lean Hoe Metal	Downstream SS-P2	
pH	-	7.58	6.0 – 9.0	7.25	7.58	5.5 – 9.0
Ammonia	mg/L	17.5	10	0.75	7.3	1.5
COD	mg/L	206	80	15	20	10
Tetrahydrofuran as VOC	µg/L	3200	-	120	83	-

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 86 (A23)**

Adakah pihak Ranhill-SAJ (seperti TNB) bersedia memberi rebat kepada pengguna-pengguna domestik, peniaga-peniaga kedai rumah dan pengusaha-pengusaha industri untuk membantu mereka meringankan kos kehidupan dan perniagaan akibat wabak covid-19 yang amat menjejaskan pendapatan golongan ini.

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 87 (A124)**

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada bulan Mac, telah menjejaskan sumber pencarian rakyat. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan dan sehingga kini, berapa banyak kes pemotongan bekalan air akibat tunggakan bayaran bil, yang telah diambil tindakan oleh pihak Ranhill SAJ?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 88 (A127)**

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah menjejaskan ekonomi dan sumber pendapatan rakyat. Adakah Ranhill SAJ mempunyai rancangan untuk membantu rakyat, mengurangi beban sara hidup, seperti memberi diskaun bil penggunaan air?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A23, A124 & A127)**

Yang Berhormat Speaker, Izinkan saya menjawab secara bersekali bagi soalan **A23, A124** dan **A127** daripada **Yang Berhormat Jementah** dan **Yang Berhormat Penggaram** berhubung pemberian rebat oleh Ranhill SAJ kepada pengguna, kes pemotongan bekalan air tertunggak serta Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ranhill SAJ sepanjang tempoh penularan pandemik COVID-19 ini.

Kita semua sedia maklum bahawa pandemik ini telah pun menjejaskan 'kesihatan' ekonomi negara dan di luar jangkaan kita apabila krisis COVID-19 ini membawa bencana lebih besar kepada ekonomi Malaysia berbanding krisis lain seperti perang dagangan China – Amerika Syarikat.

Kita di Johor juga tidak terlepas daripada situasi ini, terutamanya apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, di mana aktiviti ekonomi rakyat adalah terhad serta menjejaskan pendapatan pelbagai golongan.

Secara tidak langsung, situasi ini turut memberi impak kepada rakyat Johor. Rentetan itu, Ranhill SAJ telah mengambil langkah dengan menyediakan beberapa inisiatif kepada pengguna sebagai usaha membantu meringankan beban sepanjang tempoh PKP ini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Pertama, pemberian Diskaun 50 peratus ke atas jumlah bil semasa bagi bulan Mac 2020 kepada golongan B40. Menerusi inisiatif ini, kira-kira 167,082 akaun golongan B40 menerima manfaat dengan membabitkan jumlah pemberian diskaun sebanyak RM2,624,151 yang dikreditkan ke akaun pengguna pada bil bulan Mei 2020.

Selain itu, pemberian rebat air kepada 3,201 golongan miskin dan miskin tegar dengan purata RM74,910 sebulan pada setiap bulan tetap diteruskan sepanjang tempoh PKP.

Kerajaan Negeri Johor juga turut meneruskan pemberian 10m³ rebat air kepada kira-kira 155,749 penerima daripada golongan B40 dengan purata RM1,274.226 sebulan.

Kedua, Perlaksanaan pemotongan bekalan air juga telah ditangguhkan sehingga 15 Julai 2020. Selepas tarikh itu, pemotongan bekalan air adalah mengikut prosedur Notis 14 hari untuk pengguna menyelesaikan tunggakan masing-masing. Sekiranya, pengguna tidak berkemampuan untuk membuat pembayaran penuh, bayaran ansuran dibenarkan.

Ketiga, melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), kumpulan Ranhill menyumbangkan sebanyak RM1 juta kepada Kerajaan Negeri Johor sebagai usaha membantu kerajaan negeri mencegah penularan pandemik COVID-19, selain sumbangan RM1 juta kepada Tabung COVID-19 kerajaan Persekutuan.

Sumbangan asas, termasuk bekalan minuman dan makanan turut diberikan kepada semua kakitangan Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru sebagai tanda menghargai sumbangan petugas barisan hadapan menentang pandemik COVID-19.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 89 (A30)**

Berapakah peruntukan untuk sekolah-sekolah Tamil dan kuil-kuil di Negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Tiram**, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan khas untuk Program Pembangunan Masyarakat India Negeri Johor bagi tahun 2020.

Daripada peruntukkan ini, sebahagiannya akan diperuntukkan kepada Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan juga rumah-rumah ibadat mengikut permohonan dan keperluan mereka.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)
SOALAN 90 (A34)**

Apakah jaminan kerajaan Johor bagi memastikan tiada kes COVID 19 apabila pintu sempadan dibuka untuk pekerja boleh ulang alik Malaysia - Singapura?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terima kasih kepada Yang Berhormat **Parit Yaani** di atas soalan yang dikemukakan. Izinkan saya menjawab soalan beliau berkaitan pembukaan pintu sempadan yang membolehkan pekerja Malaysia – Singapura ulang-alik.

Untuk makluman dewan yang mulia, Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura telah disenaraikan sebagai laluan darat paling sibuk di dunia telah dibuka kembali pada 10 Ogos 2020 untuk rakyat Malaysia dan Singapura merentas sempadan selepas lebih enam bulan ditutup. Turut dibuka dalam masa yang sama adalah Laluan Kedua Malaysia Singapura.

Buat masa ini, hanya dua skim bagi merentas sempadan pada pembukaan fasa pertama ini membabitkan skim Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) bagi individu terbabit perniagaan penting dan tujuan rasmi antara kedua-dua negara dan skim Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA) yang membabitkan penduduk Singapura dan Malaysia yang memegang pas imigresen jangka panjang bagi tujuan perniagaan serta pekerjaan memasuki negara terbabit untuk bekerja.

Pembukaan semula sempadan melalui skim RGL dan PCA ini adalah sebagai satu langkah permulaan bagi merencanakan semula ekonomi negeri Johor dan Singapura yang terkesan akibat penularan COVID-19.

Rakyat di kedua-dua negara yang ingin merentas sempadan perlu mematuhi *Prosedur Standard Operasi* (SOP) ketat yang telah ditetapkan dua negara berkenaan. Barisan hadapan telah bersiap sedia dengan SOP supaya tidak berlaku peningkatan kes COVID-19 di negara ini.

Selain dua skim yang dipersetujui tersebut, terdapat skim ketiga yang dicadangkan iaitu rentas sempadan setiap hari atas tujuan berulang alik kerja yang dijangka membabitkan lebih 200,000 rakyat Malaysia dan Singapura. Untuk skim ketiga ini, kerajaan Malaysia dan Singapura masih memperhalusi pelbagai perkara termasuk keupayaan kedua-dua negara melaksanakan ujian saringan COVID-19 secara harian terhadap pekerja yang berulang alik tersebut sebelum ia boleh dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat–Yang Berhormat, berikutan situasi semasa COVID-19 di dunia, amat sukar untuk kerajaan negeri memberi jaminan bahawa TIADA kes Covid-19 akan masuk dari luar negara.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Oleh itu, kerajaan memberi jaminan untuk memastikan tahap siapsiaga yang tinggi dengan menyediakan langkah jangka masa panjang untuk mengurangkan serta menghapuskan risiko berlakunya penularan di dalam komuniti dengan keupayaan mengekalkan teras untuk respon dan menguruskan situasi COVID-19 di negeri Johor. Ini termasuk :

Pertama, menyediakan Sistem Kesihatan yang berkeupayaan mengesan, menguji, isolasi dan merawat setiap kes dan kontak.

Kedua, Sistem surveillance COVID-19 yang mantap termasuk saringan di fasiliti kesihatan berkenaan.

Ketiga, Bekalan Perubatan yang mencukupi – termasuk kakitangan, rawatan serta PPE.

Keempat, Kapasiti isolasi dan kuarantin.

Sebagai langkah awal perancangan kerajaan negeri untuk pintu sempadan dibuka bagi pekerja ulang-alik, kerajaan telah melaksanakan program *Periodical Commuting Agreement* (PCA) mulai 17 Ogos 2020, di mana warga Malaysia yang bekerja di Singapura, dibenarkan bekerja selama 3 bulan di Singapura dan pulang bercuti selama 14 sehingga 28 hari.

Mereka perlu memohon pas khusus dan menjalani ujian COVID-19 di pintu masuk Singapura-Johor. Setiap pengembara yang masuk menggunakan pas PCA juga akan diberi peringatan dan amaran untuk mematuhi SOP Norma Baharu walaupun dikecualikan dari kuarantin 14 hari.

Mereka juga akan diingatkan untuk segera mendapatkan rawatan sekiranya bergejala selepas tiba di Malaysia.

Sehingga 30 Ogos 2020, seramai 1,236 pekerja telah pulang bercuti ke Malaysia dan TIADA kes COVID-19 dikesan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)
SOALAN 91 (A49)**

Mohon KPRJ mengambil peranan untuk pembangunan rumah Generasi Kedua FELDA, membina rumah dan penyediaan infrastruktur seperti jalan, air, elektrik dan parit longkang. Adakah pihak KPRJ boleh membantu pihak Generasi Kedua FELDA?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Johor Lama, YB Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi) – Dato' Sri Mustapa Mohamed telah melaporkan berkenaan status pembangunan Rumah Generasi Kedua FELDA semasa di Parlimen bertarikh **12 Ogos 2020** yang lalu.

Daripada 38 tapak perumahan generasi kedua tersebut telah membabitkan **8314 unit** rumah. Hanya **2058 unit** telah siap dan **18 tapak** yang melibatkan kerja pembinaan berada pada tahap **70%** (peratus) siap. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan prestasi kemajuan pembangunan rumah generasi kedua FELDA, kerajaan persekutuan telah memperuntukkan RM50 juta dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Pakatan Nasional menyiapkan rumah generasi kedua FELDA.

Pihak Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) tiada halangan untuk menjadi agensi pelaksana dalam pembangunan rumah generasi kedua FELDA khususnya bagi Johor sekiranya diberi kepercayaan oleh pihak FELDA. Bagi penyediaan infrastruktur seperti jalan, air dan elektrik, permohonan lanjut boleh dibuat di Pejabat Felda di Wilayah masing- masing.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 92 (A63)**

Isu YB Layang-Layang menggunakan perkataan munafik di dalam Dewan tempoh hari, apakah tindakan telah diambil?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang berhormat Senai** dan Dewan yang mulia, isu Yang Berhormat Layang-Layang menggunakan perkataan munafik di dalam Dewan Negeri telah pun selesai apabila Yang Berhormat Stulang menarik balik rundingan untuk merujuk Yang Berhormat Layang-Layang ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri pada 1 Disember 2019.

Rujukan boleh dibuat di dalam verbatim bertarikh 1 Disember 2019, muka surat 41.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 93 (A74)**

Berapakah keluasan hutan simpan kekal dan hutan simpan pembangunan sejak 20 tahun lalu. Berapakah keluasan hutan yang dilesenkan untuk pengeluaran balak dan jumlah cukai yang dipungut oleh kerajaan. Terangkan sebab-sebab kerajaan mengeluarkan sesuatu kawasan daripada status hutan simpan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Senggarang**, Sehingga 31 Ogos 2020, keluasan Hutan Simpanan Kekal di negeri Johor adalah seluas 408,300 hektar yang meliputi lebih kurang 21% daripada keluasan tanah Negeri Johor.

Keluasan ini adalah merupakan peningkatan sebanyak lebih kurang 12.3% berbanding 20 tahun dahulu iaitu seluas 358,096 hektar pada tahun 2000. Secara amnya, tiada istilah kawasan hutan simpan pembangunan kerana kawasan yang diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal adalah dilindungi di bawah Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 dan diuruskan selaras dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

Sehingga 31 Ogos 2020, seluas 673.96 hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal telah dilesenkan untuk tujuan mengambil hasil hutan (kayu balak) bagi tahun 2020. Keluasan ini hanya 32% daripada Catuan Tebangan Tahunan bagi tahun 2020 yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara (MTN) bagi Negeri Johor iaitu seluas 2,121 hektar setiap tahun.

Sistem pembalakan yang diamalkan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal yang dilesenkan adalah secara tebangan memilih di bawah amalan Sistem Pengurusan Memilih (SMS) selaras dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

Daripada kawasan lesen tersebut, kerajaan negeri telah mengutip hasil sebanyak RM4,126,861.79 yang terdiri daripada bayaran premium hutan, royalti, ses pembangunan hutan dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan.

Bagi memastikan kelestarian kawasan Hutan Simpanan Kekal di negeri Johor, kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor yang bersidang pada 1 April 2020 telah memutuskan untuk membatalkan keseluruhan baki kawasan yang telah diluluskan oleh Lembaga Tawaran Membalak dan mengekalkan pembekuan sepenuhnya kelulusan ke atas kawasan membalak di dalam Hutan Simpanan Kekal.

Keputusan ini adalah bagi membolehkan Kerajaan menilai dan mengemas kini kaedah kelulusan kawasan di samping memberi ruangan kepada Jabatan Perhutanan untuk melaksanakan kerja-kerja pengurusan dan pembangunan semula kawasan hutan yang telah diusahakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Antara sebab kerajaan negeri mengeluarkan sesuatu kawasan daripada Hutan Simpanan Kekal adalah bagi tujuan pembangunan tanah yang mempunyai kepentingan kepada Kerajaan Negeri.

Pembatalan kawasan Hutan Simpanan Kekal adalah dibenarkan di bawah peruntukan undang-undang iaitu di bawah Seksyen 11, Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 yang mana jika Kerajaan Negeri berpuas hati bahawa mana-mana kawasan tanah dalam hutan simpanan kekal tidak lagi diperlukan bagi maksud yang mana ia dikelaskan di bawah seksyen 10 Enakmen Perhutanan dan diperlukan bagi kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan yang sedang dilakukan sekarang, maka Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan kawasan tanah itu daripada Hutan Simpanan Kekal.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)
SOALAN 94 (A100)**

Adakah kerajaan negeri berhasrat memberi rebat kepada pembayar cukai khususnya kepada pemain industri negeri Johor yang dikenakan cukai tanah yang agak tinggi?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Kemelah**, setakat ini, Pentadbiran Tanah Negeri Johor tidak mempunyai cadangan untuk pemberian rebat bagi cukai tanah, tetapi Pentadbiran Tanah Negeri Johor bersedia mencadangkan pemberian rebat kepada pembayar-pembayar cukai tanah jika diminta oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Ini kerana, sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 101 Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengambil tindakan berikut bagi penyemakan semula kadar cukai tanah :

Ketika semakan cukai dibuat, Pihak Berkuasa Negeri boleh menaikkan atau mengurangkan nisbah cukai yang dikenakan kepada mana-mana tanah yang disemak sebagaimana Sek.101(3)(a) Kanun Tanah Negara.

Pihak Berkuasa Negeri juga membuat peruntukan yang berbeza untuk pengelasan atau perihal yang berlainan bagi tanah berkaitan sama ada dari segi peruntukan untuk mengenakan satu kadar baru bagi cukai yang dikenakan ke atasnya sebagaimana Sek.101(3)(b) Kanun Tanah Negara.

Pelbagai insentif diberikan oleh pentadbiran Tanah Negeri Johor selepas pandemik COVID-19, antaranya:

Pertama, melanjutkan tempoh bayaran cukai tanah bagi tahun 2020 sehingga 30 September 2020 dan denda lewat bayaran cukai tanah bagi tahun 2020 hanya mula dikenakan, mulai 1 Oktober 2020.

Kedua, pengecualian bayaran pendaftaran atas urus niaga turun milik akibat kematian yang berpunca daripada pandemik COVID-19.

Ketiga, pengecualian denda lewat bagi mana-mana peserahan yang tamat tempoh ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa.

Keempat, Lanjutan tempoh satu (1) bulan untuk sebarang kebenaran pindah milik, gadaian mahupun pajakan yang tamat tempoh ketika PKP berkuat kuasa.

Kelima, lanjutan tempoh permohonan *Fastrack Nil* sehingga 30 Ogos 2020.

Keenam, potongan 50% cukai tanah bagi tanah-tanah rezab Melayu yang berkeluasan sehingga 5 hektar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 95 (A170)**

Nyatakan statistik jenayah mengikut kategori jenayah dan daerah bagi negeri Johor dari tahun 2017 hingga tahun 2020.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

**STATISTIK JENAYAH DI KONTINJEN JOHOR MENGIKUT KATEGORI
JENAYAH DARI TAHUN 2017 - 2020**

KATEGORI JENAYAH	2017	2018	2019	2020 (JAN – OGOS)
BUNUH	66	43	35	24
ROGOL	196	187	205	116
SAMUN B'KWN B/S'API	1	2	2	0
SAMUN B'KWN T/S'API	1,220	740	753	298
SAMUN B/S'API	0	0	0	0
SAMUN T/S'API	481	330	329	155
MENYEBABKAN CEDERA (324 - 326 KK)	614	578	599	315
JUMLAH JENAYAH KEKERASAN	2,578	1,880	1,923	908
LAIN - LAIN CURI	2,032	2,025	1,912	959
CURI VAN/LORI/J.BERAT	274	278	218	94
CURI MOTOKAR	1,097	1,035	981	517
CURI MOTOSIKAL	4,104	3,881	3,472	1,730
CURI RAGUT	11	0	0	0
PECAH RUMAH	1,211	1,239	1,364	794
JUMLAH JENAYAH HARTABENDA	8,729	8,458	7,947	4,094
JUMLAH JENAYAH INDEKS	11,307	10,338	9,870	5,002
PERATUS PENURUNAN	-12.63%	-8.57%	-4.53%	-23.53%
JUMLAH PENURUNAN KES	-1,634	-969	-468	-1,539

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

STATISTIK JENAYAH INDEKS DI KONTINJEN JOHOR MENGIKUT DAERAH
DARI TAHUN 2017 – 2020

BIL	DAERAH	2017	2018	2019	2020 (JAN – OGOS)
1	JOHOR BAHRU SELATAN	3,231	2,516	2,195	1076
2	SERI ALAM	1,474	1,384	1,490	836
3	JOHOR BAHRU UTARA	1,649	1,649	1,541	671
4	ISKANDAR PUTERI	926	933	954	457
5	KULAI	772	749	686	277
6	MUAR	298	296	306	167
7	TANGKAK	234	207	216	133
8	BATU PAHAT	681	688	663	363
9	SEGAMAT	370	360	345	184
10	KLUANG	652	602	585	347
11	PONTIAN	286	283	276	124
12	KOTA TINGGI	583	542	471	302
13	MERSING	151	129	142	65
JUMLAH JENAYAH INDEKS		11,307	10,338	9,870	5,002

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 96 (A171)**

Jelaskan status perkembangan peruntukan masyarakat Cina tahun 2020 khususnya peruntukan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Persendirian Cina di Negeri Johor.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Johor Jaya, peruntukan bagi masyarakat Cina adalah sebanyak RM3.5 juta seperti mana yang disediakan dalam Belanjawan 2020. Peruntukan itu akan disalurkan kepada Yayasan Sultanah Fatimah bagi tujuan kegunaan kebajikan dan pendidikan masyarakat Cina.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 97 (A175)**

Sejauh manakah tindakan bagi cadangan membina empangan air Sungai Mersing?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Endau, Kerajaan Negeri Johor sentiasa peka terhadap pembangunan sumber air bagi memastikan tiada gangguan bekalan air terawat, khususnya semasa fenomena el-nino.

Bagi mengatasi gangguan bekalan air terawat di daerah Mersing yang sentiasa berlaku saban tahun, Kerajaan Negeri Johor telah melaksanakan Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Lenggor ke Empangan Congok.

Pelaksanaan projek tersebut adalah bagi memindahkan air mentah sebanyak 16 Juta Liter Sehari dari Sungai Lenggor ke Empangan Congok. Skop projek tersebut ialah membina rumah pam di Sg. Lenggor, Sub-Station TNB, saluran paip bersaiz 600mm sepanjang 33km dan outlet di Empangan Congok. Projek tersebut bermula pada bulan Oktober 2016 dan siap pada bulan Jun 2017. Pengepaman air mentah akan dilaksanakan sekiranya kapasiti air mentah di Empangan Congok merosot ke paras 80%.

Pada tahun 2018, Jabatan Bekalan Air (JBA), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), telah menyiapkan projek Menaik taraf Empangan Congok, di mana telah meningkatkan kapasiti takungan daripada 895 Juta Liter kepada 1400 Juta Liter.

Pelaksanaan kedua-dua projek tersebut telah dapat mengimbangi keperluan bekalan air mentah di Empangan Congok yang merupakan sumber utama air mentah untuk Loji Rawatan Air Tengelu.

Berdasarkan daripada rekod Ranhill SAJ Sdn Bhd, tiada aduan berkenaan gangguan bekalan air di daerah Mersing.

Bagi memastikan kecukupan sumber air mentah dan juga air terawat sehingga tahun 2060, Kerajaan Negeri Johor telah melaksanakan Kajian Sumber Air Negeri Johor 2010 – 2060 iaitu bagi melihat unjuran populasi penduduk di Daerah Mersing dan keperluan air terawat serta air mentah.

Untuk makluman dewan yang mulia, saya akan memberi penjelasan terperinci berkaitan Unjuran Populasi, Permintaan Air Terawat dan Sumber Air Mentah bagi daerah Mersing dari tahun 2020 sehingga tahun 2060.

Bagi tahun 2020, unjuran populasi adalah seramai 74,334 orang dengan jumlah air terawat adalah 34.74 jlh, manakala air mentah adalah 39.98 jlh.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

Bagi tahun 2030, unjuran populasi adalah seramai 77,089 orang dengan jumlah air terawat adalah 35.72 jlh, manakala air mentah adalah 41.08 jlh.

Bagi tahun 2040, unjuran populasi adalah seramai 78,804 orang dengan jumlah air terawat adalah 36.88 jlh, manakala air mentah adalah 42.41 jlh.

Bagi tahun 2050, unjuran populasi adalah seramai 79,659 orang dengan jumlah air terawat adalah 37.83 jlh, manakala air mentah adalah 43.50 jlh.

Bagi tahun 2060, unjuran populasi adalah seramai 80,081 orang dengan jumlah air terawat adalah 38.072 jlh, manakala air mentah adalah 44.53 jlh.

Pada tahun 2017, Jabatan Bekalan Air (JBA), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah melaksanakan Kajian Kemungkinan Dan Kajian Impak Alam Sekitar Terperinci Bagi Pembinaan Empangan Mersing.

Tujuan kajian tersebut adalah bagi mengenal pasti keperluan sebenar Cadangan Projek Pembinaan Empangan Sungai Mersing. **Bagaimanapun, berdasarkan kajian tersebut, tiada keperluan untuk membina Empangan Sungai Mersing kerana Empangan Congok, Empangan Labong dan Sungai Mersing masih mampu untuk menampung permintaan air terawat di daerah Mersing sehingga tahun 2040.**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 98 (A176)**

Adakah kerajaan bersedia menyalurkan peruntukan kecemasan kepada setiap Ahli DUN dalam persediaan menghadapi musim tengkujuh tidak lama lagi?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Endau, Kerajaan Negeri Johor sentiasa bersedia dalam menghadapi musim tengkujuh dari segi jentera Kerajaan, kewangan serta bantuan kebajikan.

Keperluan bagi setiap pusat pemindahan dan YB ADUN yang terlibat adalah berbeza mengikut jumlah mangsa yang terkesan.

Sehubungan itu, keperluan peruntukan yang bersesuaian akan ditentukan oleh pihak Kerajaan kelak.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 10 SEPTEMBER 2020**

**YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)
SOALAN 99 (A180)**

Adakah kerajaan sekarang akan menyalurkan peruntukan perbekalan dan projek kecil Jawatankuasa Penyelarasan DUN tahun 2020 berjumlah RM350,000 yang sepatutnya telah diluluskan dan dimasukkan di dalam akaun Pejabat Daerah pada bulan Februari 2020 terus kepada ADUN setiap kawasan tanpa mengira parti?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Maharani**, peruntukan yang dimaksudkan ini hanya disediakan untuk wakil-wakil rakyat dari parti yang membentuk kerajaan sahaja.

Bagi memastikan kawasan DUN yang diwakili oleh YB ADUN Pembangkang menerima manfaat yang sama, kerajaan negeri telah melantik seramai 27 Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Khas DUN (JPKD) di kawasan DUN Pembangkang bagi tujuan mewakili pihak Kerajaan.